



BULETIN
KHAS
SEMPENA

MAULIDUR RASUL

SAWI

2025/1447H

مَوْلِدُ الرَّسُولِ ﷺ

“

MEMBANGUN UMMAH MADANI



SELAWAT MAULIDUR RASUL

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَنْتَ شَمْسٌ أَنْتَ بَدْرٌ
كَأَوَّلِ مَا تَهَارَى كَأَوَّلِ بُولِ
أَنْتَ نُورٌ فَوْقَ النُّورِ
كَأَوَّلِ جِهَائِي مَغَاسِي جِهَائِي
أَنْتَ إِكْسِيرٌ وَغَالِي
كَأَوَّلِ رَهْصِيَا هِدُوفِ مَوْلِيَا
أَنْتَ مُصَاحِبُ الصُّدُورِ
كَأَوَّلِ أَوْيُورِ مَهْلُوهِ جِيوَا
يَا حَبِيبِي يَا مُحَمَّدُ
وَإِهَائِي كَكَاسِيهِ وَإِهَائِي مُحَمَّدُ
يَا عَرُوسَ الْخَائِفِينَ
وَإِهَائِي فَغْنَتِي إِنْهُ مِيكَتُ
يَا مُؤَيَّدُ يَا مُجَبَّدُ
وَإِهَائِي نَبِي وَإِهَائِي بَعْدُ جَوْعِ فُوجَا
يَا إِمَامَ الْقِبْلَتَيْنِ
وَإِهَائِي إِمَامَ دَوَا قِبَلَةِ
مَنْ رَأَى وَجْهَكَ يَسْعَدُ
بِهَآ كِبَالِهِ أَوْ رُفِعَ مَنَدُوعُ وَجْهِهِ
يَا كَرِيمَ الْوَالِدَيْنِ
وَإِهَائِي فَهْمُولُو بِرُكُورِ مَوْلِيَا
خَوْصُكَ الصَّافِي الْمُبَرَّدُ
كَوْلِ الْبُرْمُو سَجُوقِ جَرِينِهِ
وَرَدْنَا يَوْمَ النُّشُورِ
تَفَتُّتُ كَامِي مَيْنُومِ دَهَائِرِي أَخِيرِ
مَا رَأَيْنَا الْعَيْسَ حَنَّتْ
تِيْدَقُ فَرْهَ تَزَلِيهَتِ أَوْتَا بَرَجَانِ
بِالسُّرَى إِلَّا إِلَيْكَ
سَفْتَجِعُ مَا لَمْ مَرِيْدُو كُنْ تَوَانِ

وَالْعَمَامَةُ قَدْ أَظَلَّتْ
أَعْكَارُ دَقَائِي وَغِي أَوْنِ فُوتِيهِ
وَالْمَلَائِكَةُ صَلُّوا عَلَيْكَ
دَائِمًا بِرَغْبِي دَعَاءُ قَارَا مَلَائِكَةُ
عَالَمِ الْبَيْتِ وَأَخْفَى
اللَّهُ مَغَاسِي رَهْصِيَا تَرْسِيرِ
مُسْتَجِيبُ الدَّعَوَاتِ
دِي مَغْفِرُكَ سَكَلَا دَعَاءُ
رَبِّ أَرْحَمَنَا جَمِيعًا
وَإِهَائِي تَوْهِنِ رَحْمَتِهِ كَامِي
بِجَمِيعِ الصَّالِحَاتِ
دَعْنُ سَكَلَا عَمَلِ صَالِحِ
وَصَلَاةُ اللَّهِ عَلَى أَحْمَدُ
اللَّهُ بِرُصْلَاتِ كَاتَسْ مُحَمَّدُ
عَدَّ تَحْرِيرِ السُّطُورِ
سَابِقُ بَارِسِ كَرْتَسِ دَوَلِيسِ
أَحْمَدُ الْهَادِي مُحَمَّدُ
سَبَاقُ - بَاقُ فُوجِيَانِ بَعْدُ مَبَاوَا
فُتُوجُوقُ إِيَالِهِ مُحَمَّدُ
صَاحِبُ الرُّوحِ الْمُنِيرِ
بَعْدُ مَغْفِرُ مَا لَمْ وَجْهَ بِرُسْرِي مَنَاوِنِ
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيْهِ
يَا اللَّهُ صَلُّوا دَانِ سَلَامُ سَرَاتَا بِرُكِيْلِهِ كَاتَسْ

صَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ
اللَّهُ بِرُصْلَاتِ (سَمُوكُ اللَّهُ مَمْرِيكَنِ
بِرُكْتِ دَانِ رَحْمَةٍ) كَاتَسْ مُحَمَّدُ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
اللَّهُ بِرُصْلَاتِ (سَمُوكُ اللَّهُ مَمْرِيكَنِ بِرُكْتِ
دَانِ رَحْمَةٍ) دَانِ سَلَامُ كَاتَسْ
يَا نَبِيَّ سَلَامٌ عَلَيْكَ
وَإِهَائِي نَبِي سَلَامُ أَنْسُو
يَا رَسُولَ سَلَامٍ عَلَيْكَ
وَإِهَائِي رَسُولَ سَلَامٍ أَنْسُو
يَا حَبِيبُ سَلَامٍ عَلَيْكَ
وَإِهَائِي كَكَاسِيهِ سَلَامٍ أَنْسُو
صَلُّوا اللَّهُ عَلَيْكَ
اللَّهُ بِرُصْلَاتِ (سَمُوكُ اللَّهُ مَمْرِيكَنِ بِرُكْتِ
دَانِ رَحْمَةٍ) كَاتَسْ
أَشْرَقَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا
بُولِ فُورِنَامِ مِيْزِي كَيْتِ
فَآخَفَّتْ مِنْهُ الْبُدُورُ
مِهْلِيْلُفِ سَكَلَا دُوكَا
مِثْلُ حُسْنِكَ مَا رَأَيْنَا
إِنْهُ مَنَاوِنِ تِيْدَقُ فَرْهَ دَفْتَدُغِ
قَطُّ يَا وَجْهَ السُّرُورِ
وَاجْهَ كَمِيرَا سَفْتَجِعُ حَيَاةُ

SIDANG REDAKSI

PENAUNG



Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee
Ketua Pengarah JAKIM

PENASIHAT



Brig. Jen. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

KETUA PENGARANG



Azman bin Mat Hassan
Pengarah Bahagian Penerbitan, JAKIM

PENGARANG



Khairul Azman bin Azizan

PENOLONG PENGARANG



Mohd Zaki bin Abdullah Shokri

PENOLONG PENGARANG



Adryana Nur Maisarah binti Nor Hafizi

PENYUNTING



Mohamad Zahir bin Abdul Halim

PENGURUS EDARAN



Muhammad Fakhru Irfan bin Mohd Ismail

REKABENTUK

Percetakan Nasional Malaysia Berhad

ISI KANDUNGAN

- 04 Rasulullah SAW Pencetus Pembentukan Ummah Madani
- 06 Maulidur Rasul Detik Muhasabah Jiwa dan Ummat
- 10 Rasulullah Pemimpin Sejati: Keseimbangan Akhlak dan Strategi
- 13 Peranan Rasulullah SAW dalam Memupuk Nilai Integriti dan Amanah
- 16 Akhlak Nabi SAW: Teras Pembangunan Jiwa dan Masyarakat
- 19 Senyuman Rasulullah: Simbol Kasih dan Rahmat Kepada Ummah Rasulullah SAW
- 21 Sunnah di Tempat Kerja: Etika Profesional Menurut Kaca Mata Islam
- 23 Peranan Belia dalam Menghidupkan Sunnah dan Membina Ummah
- 24 Menghidupkan Sunnah dalam Dunia Digital: Cabaran dan Strategi
- 26 Zuhud dan Kesederhanaan: Gaya Hidup Rasulullah yang Relevan Sepanjang Zaman
- 30 Adab Rasulullah SAW Terhadap Kanak-Kanak, Wanita dan Orang Bukan Islam

RASULULLAH SAW PENCETUS PEMBENTUKAN UMMAH MADANI



Khairul Azman bin Azizan
Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Penerbitan, JAKIM

Rasulullah SAW bukan hanya seorang nabi dan rasul, malah Baginda merupakan contoh teladan yang unggul dalam setiap aspek kehidupan sebagai pemimpin, pendidik, suami, sahabat dan insan yang memiliki akhlak paling mulia. Dalam usaha membentuk Ummah Madani, iaitu masyarakat yang bertamadun, berperadaban dan berasaskan nilai-nilai Islam, Rasulullah SAW kekal sebagai sumber inspirasi utama yang tiada bandingan. Berikut merupakan pendekatan yang diaplikasikan oleh Rasulullah SAW untuk dijadikan sebagai panduan pembentukan Ummah Madani:

• Akhlak Sebagai Teras Ketamadunan

Salah satu kekuatan utama Rasulullah SAW ialah keperibadian dan akhlak Baginda yang amat mulia. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Qalam, ayat 4:

"Dan sesungguhnya kamu mempunyai akhlak yang sangat mulia."

Akhlak yang luhur merupakan asas kepada pembinaan masyarakat yang beradab dan sejahtera. Rasulullah SAW menunjukkan kasih sayang kepada kanak-kanak, memuliakan wanita, menghormati orang tua dan bersikap lemah lembut terhadap semua, termasuk mereka yang memusuhinya. Jika akhlak ini dijadikan panduan dalam kehidupan seharian, pastinya masyarakat akan lebih harmoni dan saling menyantuni.

• Kepimpinan yang Adil dan Berperikemanusiaan

Rasulullah SAW memimpin umat dengan penuh keadilan, hikmah dan kasih sayang. Baginda tidak pernah bersikap zalim walaupun kepada mereka yang pernah menganiayanya. Ketika peristiwa pembukaan Kota Makkah, Rasulullah memberikan pengampunan kepada musuh-musuhnya. Tindakan ini menunjukkan kepimpinan yang berasaskan kasih sayang, keinsafan dan bukan bersifat dendam.

Kepimpinan seperti inilah yang perlu dicontohi pada hari ini iaitu pemimpin yang adil, bersifat empati, serta mengutamakan kesejahteraan ummah melebihi kepentingan peribadi.

• Pembentukan Masyarakat Berilmu dan Beramal

Islam amat menitikberatkan ilmu pengetahuan. Wahyu pertama yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW ialah kalimah "Iqra'" yang bermaksud "Bacalah". Ini menandakan bahawa ilmu ialah asas utama dalam membina sebuah masyarakat yang maju dan seimbang.

Namun, ilmu sahaja tidak memadai jika tidak diamalkan. Rasulullah SAW bukan sahaja menyampaikan ilmu, malah menunjukkan contoh melalui perbuatan Baginda. Pembentukan Ummah Madani haruslah menggabungkan kekuatan ilmu dan amal, disertai keikhlasan serta kesungguhan untuk memperbaiki diri dan masyarakat.

• Penyatuan Umat dan Keadilan Sejagat

Rasulullah SAW berjaya menyatukan pelbagai kaum dan agama melalui Piagam Madinah, iaitu sebuah perlembagaan bertulis pertama yang menjamin hak, keadilan dan keamanan kepada semua. Ini membuktikan bahawa Islam bukanlah agama yang memecahbelahkan, malah membawa mesej perpaduan dan keadilan untuk seluruh manusia.

Semangat toleransi, saling menghormati dan bekerjasama merentasi perbezaan inilah yang perlu diterapkan dalam membentuk Ummah Madani pada hari ini.

KESIMPULAN

Hari ini, umat Islam perlu menjadikan Rasulullah SAW sebagai inspirasi dalam menghadapi cabaran sosial, ekonomi, politik, dan teknologi. Semangat untuk membina Ummah Madani tidak dapat dipisahkan daripada usaha untuk menghidupkan sunnah Baginda dalam aspek

kepimpinan, pengurusan masyarakat, pendidikan anak-anak, dan dalam hubungan sesama manusia.

Rasulullah SAW ialah teladan terbaik dalam segala aspek kehidupan. Dalam usaha kita membina sebuah **Ummah Madani**, marilah kita meneladani akhlak dan perjuangan Baginda. Mencontohi Rasulullah SAW tidak terhad pada ibadah semata-mata, tetapi meliputi seluruh aspek kehidupan termasuk pekerjaan, rumah tangga, pergaulan, bahkan dalam cara kita berfikir dan menyelesaikan masalah.

Untuk membentuk Ummah Madani, kita perlulah:

- Menyuburkan akhlak mulia dalam diri dan keluarga
- Menyemai nilai kepimpinan yang adil dan amanah
- Meningkatkan keilmuan dan amal dalam kehidupan
- Mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat

Semoga sambutan Maulidur Rasul tahun ini bukan sekadar satu peringatan, tetapi titik tolak perubahan diri dan masyarakat ke arah yang lebih baik.



Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu contoh teladan yang terbaik (iaitu) bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat dan banyak menyebut serta mengingati Allah (dalam masa susah dan senang)."

(Surah al-Ahzab: 21)

MAULIDUR RASUL DETIK MUHASABAH JIWA DAN UMMAT



Muhyidin Bin Aziz@Saari
Pengarah Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM

Menjelang 12 Rabiulawal, umat Islam di negara ini lazimnya akan mengatur persiapan bagi mengadakan majlis memperingati Maulidur Rasul SAW. Secara tradisinya, majlis dan acara peringatan Maulidur Rasul ini diadakan bermula daripada peringkat kebangsaan, negeri hinggalah ke peringkat komuniti. Di masjid dan surau, selain diadakan majlis ceramah dan kuliah yang berkis kepada peringatan Maulidur Rasul, ada juga yang menganjurkan pengajian dan diskusi kitab sirah yang bermatlamat mengajak para jemaah untuk menekuni perjalanan hidup insan mulia ini daripada awal kelahiran hinggalah kewafatannya.

Nabi Muhammad SAW adalah insan teragung yang diutuskan Allah untuk memimpin manusia bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Baginda telah diutuskan oleh Allah sebagai rasul ketika manusia sedang dihipit dengan pelbagai krisis yang parah sama ada dalam aspek akidah, amalan dan nilai akhlak. Kerosakan yang terjadi pada ketika itu bukan hanya terbatas di sekitar semenanjung tanah arab, bahkan mencakupi seluruh pelusuk benua.

Dalam suasana sedemikian, tentunya tiada nikmat lebih besar daripada kelahiran seorang insan yang dapat memimpin serta mengembalikan kehidupan manusia kepada kedamaian dan kebahagiaan hidup. Kelahiran

Baginda SAW umpama cahaya yang menerangi kegelapan dan menjadi titik awal suatu era pencerahan yang mengubah wajah dunia. Meskipun sejarawan berbeza pendapat mengenai tarikh kelahiran Baginda, namun hakikat yang harus diakui ialah bahawa kelahiran Baginda merupakan antara detik penting dalam sejarah ketamadunan manusia, khususnya umat Islam.

Setelah dilantik sebagai Rasul, Baginda telah melaksanakan tugasnya dengan penuh amanah dan sempurna. Suasana hidup masyarakat jahiliyah yang dahulunya bergelumang dengan kesesatan dan berbagai bentuk pengamalan yang menyimpang daripada kebenaran serta fitrah kemanusiaan telah berjaya dimurnikan. Kehidupan yang berpaksikan kepada pegangan tauhid dan kepatuhan kepada peraturan yang ditentukan oleh Allah SWT telah berhasil ditegakkan. Segala bentuk kesyirikan, kekejian, maksiat dan kezaliman dihapuskan dan digantikan dengan kebaikan serta keadilan.

Keunggulan peribadi Rasulullah SAW dalam menyampaikan ajaran Islam sehingga berjaya mengubah masyarakat arab jelas terungkap melalui jawapan Jaafar bin Abu Talib ketika ditanya oleh Raja Najasyi; "Agama apakah yang menyebabkan kamu sanggup bercerai-berai daripada kaum kamu dan tidak masuk agamaku atau agama-agama lain?"

Jaafar bin Abu Talib — sebagai jurucakap bagi pihak orang Islam — berkata: "Wahai Tuanku, kami dahulunya adalah kaum jahiliyyah. Kami menyembah berhala dan memakan bangkai. Kami mengerjakan amalan keji; kami memutuskan silaturahmi dan menyakiti jiran tetangga. Orang yang kuat dalam kalangan kami menindas orang yang lemah. Maka, begitulah kehidupan kami sehingga Allah mengutuskan kepada kami seorang Rasul dalam kalangan kami.

Kami kenal nasab keturunan, kebenaran, amanah dan kehormatannya. Lalu, dia mengajak kami ke jalan Allah supaya kami mengesakan-Nya dan menyembah-Nya. Kami diajak supaya meninggalkan apa yang nenek moyang kami sembah selain Allah, iaitu batu dan berhala. Dia menyuruh kami bercakap benar dan menunaikan amanah, menghubungkan silaturahmi, berbaik dengan jiran tetangga, menjauhi yang haram dan pertumpahan darah. Dia melarang kami dari melakukan segala yang keji, bercakap bohong, memakan harta anak yatim dan menuduh keji wanita-wanita yang baik.

Dia menyuruh kami menyembah Allah semata-mata, tidak menyirikkan-Nya dengan sesuatu. Dia menyuruh kami mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan berpuasa — lalu, dihitung-hitung kepadanya beberapa hal mengenai Islam — kami mempercayainya dan beriman dengannya. Kami mengikuti apa yang dibawakannya kepada kami daripada ajaran agama Allah. Lalu, kami menyembah Allah semata-mata tanpa menyekutukan-Nya. Kami mengharamkan apa yang Allah haramkan ke atas kami dan kami halalkan apa yang Allah halalkan kepada kami.

Tiba-tiba kaum kami memusuhi kami, mereka menyeksa kami, mendatangkan musibah kepada agama kami supaya kami kembali menyembah berhala. Mereka mahukan kami menghalalkan perkara keji yang dahulunya kami halalkan. Apabila mereka memaksa, menzalimi dan menyempitkan kehidupan kami serta menghalang kami daripada agama kami, maka kami pun keluar ke negeri kamu. Kami memilih Tuanku daripada raja-raja yang lain, dan kami senang berada dalam negeri Tuanku serta kami mengharap kami tidak dizalimi di sisimu, wahai Tuanku."

Pernyataan ini menggambarkan kepada kita betapa besarnya nikmat kelahiran dan perutusan Baginda SAW. Benarlah seperti yang digambarkan di dalam al-Quran bahawa perutusan Rasulullah SAW merupakan rahmat bagi sekalian alam. Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya, ayat 107:

Bermaksud: **Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam**

MANIFESTASI RASA SYUKUR UMAT

Perutusan Baginda SAW adalah satu nikmat yang amat besar dan tidak ternilai kepada umat manusia. Apatah lagi bagi kita yang telah dipilih oleh Allah SWT untuk menjadi orang yang beriman dengan Baginda serta ajaran yang dibawanya. Ini semua merupakan anugerah Allah yang jauh lebih berharga daripada harta kekayaan

dan kemewahan hidup duniawi yang bersifat sementara.

Maka atas nikmat kelahiran, perutusan dan keimanan yang Allah anugerahkan ini, wajar untuk setiap orang daripada kita menzahirkan rasa syukur kepada Allah SWT. Memperingati detik atau tarikh kelahiran Baginda sama ada melalui penganjuran acara rasmi atau tidak rasmi di peringkat nasional mahupun komuniti adalah manifestasi rasa syukur atas nikmat yang besar ini. Firman Allah dalam surah Yunus, ayat 58;

Bermaksud: **Katakanlah (wahai Muhammad) "kedatangan Al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayang-Nya, maka dengan isi kandungan Al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya), kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpunkan dari segala benda dan perkara yang tidak kekal)".**

Abdullah Ibnu Abbas r.a. dalam mentafsirkan ayat ini berkata: Kurniaan Allah itu bermaksud ilmu, manakala rahmatnya bermaksud Nabi Muhammad SAW.

Bergembira dengan kelahiran Baginda tidak lain hanyalah menzahirkan kesyukuran atas kurniaan Allah. Mengadakan majlis dan acara sambutan yang diisi dengan kupasan tentang sirah perjalanan hidup dan perjuangan Baginda mendatangkan manfaat yang banyak kepada umat Islam.



MUHASABAH JIWA DAN UMMAT

Menzahirkan rasa syukur dengan mengadakan berbagai majlis dan acara bagi memperingati Maulidur Rasul tentunya akan lebih bermakna jika turut diiringi dengan proses muhasabah oleh setiap jiwa dan umat. Ini penting agar kita tidak berasa selesa dan cukup dengan apa yang telah dilakukan. Rasulullah SAW mengajar kita agar berusaha menjadikan setiap hari yang mendatang lebih baik daripada hari yang telah berlalu pergi. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Barang siapa yang harinya lebih baik dari hari sebelumnya, maka dia termasuk orang yang beruntung. Barang siapa yang harinya sama dengan hari sebelumnya, maka dia termasuk orang yang merugi. Dan barang siapa yang harinya lebih buruk dari hari sebelumnya, maka dia termasuk orang yang dilaknat."

(HR. Al Hakim)

Untuk menjadikan hari akan datang agar lebih baik, kita perlu berhenti sejenak untuk merenung masa lalu, melihat segala kekurangan dan kelemahan, lantas merencana usaha yang baharu atau menambah baik apa yang telah dilakukan.



Allah SWT berfirman dalam surah al-Hasyr ayat 18;

Bermaksud: **Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan.**

Dinukilkan dalam kitab *Qawa'id al-Tasawwuf*, Imam al-Zarraq r.a. berkata: Kelalaian daripada muhasabah diri itu membawa kepada kerosakan diri. Gagal dalam memerhatikan nafsu diri, membawa kepada sikap redha terhadap keburukan nafsu tersebut.

Justeru itu menjadi kewajipan atas setiap individu muslim untuk sentiasa melakukan muhasabah. Sebagai permulaannya, tanyalah kepada diri sejauh manakah majlis dan acara maulid rasul yang disertai saban tahun telah memberi bekas kepada jiwa nurani, minda dan amalan kita. Adakah keimanan dan kekuatan pegangan agama semakin bertambah, sekaligus menjadikan kita orang yang menolak jauh segala bentuk kekufuran, kesyirikan, tahyul, khurafat dan segala fahaman yang bercanggah dengan pegangan ahli sunnah wal jamaah.

Amat malang seandainya ada orang yang mengaku beriman kepada Allah dan rasulnya tetapi dalam masa yang menjadi pengikut kepada ajaran sesat seumpama mereka yang mendakwa menjadi nabi serta mendapat wahyu secara langsung daripada Allah SWT. Bahkan ada yang terpengaruh dengan ajaran menyeleweng sehingga sanggup mempertaruhkan nyawa dan harta bermusafir ke luar negara semata-mata mahu menantikan kedatangan Imam Mahdi yang kononnya bakal muncul di suatu lokasi dan masa yang tertentu.

Ya, tentunya semua orang mahu menuju ke syurga. Namun harus diingat, tiada jalan pintas ke syurga seperti yang dimomokkan oleh ketua-ketua ajaran sesat kepada pengikut mereka. Dakwaan penyucian dosa dan jalan pintas ke syurga tidak lebih daripada janji palsu untuk memanipulasikan keghairahan pengikutnya bagi kepentingan dan faedah duniawi semata-mata.

Solusi yang tuntas agar terhindar daripada ajaran sesat adalah dengan mencari dan menambah ilmu pengetahuan melalui bimbingan guru-guru yang berkelayakan lagi faqih. Juga dengan menghadiri majlis ilmu dan kelas pengajian yang diadakan secara terbuka di masjid, surau atau pusat pengajian yang berdaftar dengan pihak berkuasa. Jika ingin menghadiri kelas pengajian yang diadakan tertutup dan bersifat eksklusif, kenal pasti dahulu siapa gurunya dan apakah rujukan yang digunakan. Sebarang kemusykilan mengenai kelayakan guru dan rujukan boleh diajukan kepada pihak berkuasa agama untuk pencerahan.

Selain keterlibatan dalam ajaran yang menyeleweng, semangannya kita juga berasa bimbang dengan kecenderungan individu yang bersifat *ghuluw* atau ekstrim. Pemikiran *ghuluw* ini telah menyebabkan ada kalangan orang Islam yang bermudah-mudah mengkafirkan, membidaahkan atau menyesatkan orang lain yang dilihat berbeza pandangan dengan mereka. Allah SWT melarang sifat *ghuluw* sebagaimana Firman Allah dalam surah Al-Maidah, ayat 77;

Maksudnya: **Katakanlah; Wahai Ahli Kitab! Janganlah kamu melampau dalam agama kamu secara yang tidak benar, dan janganlah kamu menurut hawa nafsu suatu kaum yang telah sesat sebelum ini dan telah menyesatkan banyak manusia, dan juga (sekarang) mereka telah tersesat (jauh) dari jalan yang betul.**

Al-Maraghi berkata: "Allah SWT melarang ahli kitab yang hidup pada masa Nabi SAW bersikap fanatik buta seperti yang dilakukan oleh nenek moyang sebelum mereka dan bersikap fanatik terhadap tradisi yang menyebabkan mereka ini sesat kerana mereka telah mengikuti larangan hawa nafsu dan meninggalkan ajaran para rasul, para nabi dan orang soleh terdahulu. Mereka ini semua terditi dari ahli tauhid, menolak kemusylikan dan tidak bersikap berlebih-lebihan dalam urusan agama."

Rasulullah SAW telah mengingatkan tentang sifat *ghuluw* atau ekstrim ini sebagaimana sabda Baginda;

Maksudnya: **Awasilah kamu daripada melampau dalam beragama, kerana binasanya orang-orang sebelum kamu adalah disebabkan sikap *ghuluw* mereka dalam beragama. (HR Ibn Hibban)**

Kondisi segelintir individu muslim yang hidup seumpama lalang yang ditiup angin juga wajar untuk direnungi secara mendalam. Golongan seperti ini merupakan kelompok yang tidak mempunyai pendirian dan jati diri yang teguh. Haluan hidup mereka adalah *trend-trend* baharu yang berkembang tanpa mengambil kira pertimbangan hukum dan agama. Penerimaan secara meluas terhadap *trend* baharu ini akhirnya akan membawa kepada pembentukan norma baharu dalam kehidupan. Sebagai contoh, gaya hidup baharu segelintir anak muda yang *ghairah* melakukan gaya dan aksi tertentu yang bertentangan dengan nilai akhlak serta kegemaran mencari makanan yang viral semata tanpa memperdulikan prinsip *halalan taiyyiba* adalah antara yang perlu diberikan perhatian.

Pemakanan yang halal lagi baik adalah tuntutan agama yang sepatutnya diambil berat oleh setiap muslim. Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah, ayat 168;

Bermaksud: **Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.**

Dalam konteks sosial dan kemasyarakatan, persoalan mengenai sejauh manakah teguhnya ikatan persaudaraan Islam atau ukhuwah Islamiah sesama umat juga semestinya diperiksa secara mendalam. Antara kayu ukur keteguhan ikatan ini ialah dengan memerhatikan sikap penyayang dan saling mengasihi, kepedulian dan mengambil berat, tolong menolong dan sentiasa menjauhi perbuatan yang tidak baik seperti mengadu domba, memfitnah, menghina serta memburukkan antara satu sama lain.

Allah SWT berfirman di dalam surah al-Hujurat, Ayat 10;

Bermaksud: **Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.**

Ukhuwah Islamiah adalah seumpama air yang sentiasa berperanan sebagai agen penyatuan. Ketika sebuah bangunan yang siap dibangunkan, secara luaran kita hanya akan nampak binaan tersebut dibuat menggunakan batu, kayu, besi pasir dan juga simen. Dalam masa yang sama, mungkin ramai yang kurang menyedari bahawa salah satu bahan yang penting yang digunakan adalah air. Tanpa air, simen dan pasir tidak akan berpadu sehingga memungkinkan bangunan tersebut berdiri teguh. Demikianlah dengan ukhuwah yang berperanan menyatukan anggota masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang bagi membentuk satu komuniti. Tanpa ukhuwah dan rasa persaudaraan, tidak mungkin sama sekali akan wujud perpaduan dan kesatuan dalam sesebuah komuniti dan juga ummah.

Oleh yang demikian, adalah sesuatu yang amat mendukacitakan apabila masih terdapat dalam kalangan anggota masyarakat Islam yang menggunakan platform media sosial untuk menyebarkan berita yang tidak benar serta mengandungi fitnah terhadap saudara seagama. Keghairahan dalam mengejar *rating* dan jumlah pengikut (*follower*) yang ramai menyebabkan mereka lupa tentang kewajipan menjaga hak-hak saudara muslim yang lain.

TEGUHKAN KEIMANAN, PERKASAKAN JATI DIRI DAN SUBURKAN UKHUWAH

Menyedari segala kepincangan yang berlaku dalam kehidupan umat, bersempena Sambutan Memperingati Maulidur Rasul pada tahun ini, marilah kita melangkah ke hadapan dengan menyusun gerak kerja ke arah memperteguhkan keimanan dalam setiap jiwa dan individu muslim. Inilah jati diri atau sahsiah umat yang perlu diperkasakan agar umat ini tidak menjadi seperti lalang yang ditiup angin. Iman yang teguh dan sahsiah yang kuat akan menjadi sumber kekuatan kepada ummat seluruhnya. Dalam masa yang sama juga ikatan persaudaraan dan ukhuwah hendaklah disuburkan agar kesatuan serta perpaduan yang utuh dapat direalisasikan.

RASULULLAH PEMIMPIN SEJATI: KESEIMBANGAN AKHLAK DAN STRATEGI



Zaizurina binti Mansor
Pengarah Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak, JAKIM

PENDAHULUAN

Nabi Muhammad SAW adalah teladan terbaik dalam setiap aspek kehidupan, termasuk dalam kepemimpinan dan pembentukan strategi. Akhlak Baginda yang mulia bukan sekadar hiasan peribadi, tetapi merupakan asas utama yang membentuk strategi dakwah, sosial, ekonomi, dan ketenteraan umat Islam. Sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah al-Ahzab ayat 21:

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaa) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”

(surah al-Ahzab, ayat 21)

Oleh kerana itu, Baginda adalah perancang utama pembentukan masyarakat madani yang menjadi acuan sepanjang zaman. Model Madinah bukan sekadar kota, tetapi sebuah konsep masyarakat yang seadil-adilnya, membangunkan potensi insan secara holistik, dan makmur di bawah naungan nilai-nilai Islam. Kunci kejayaan ini terletak pada kemuliaan akhlak Baginda yang menjadi teras setiap strategi yang dirangka.

MEMBINA PERPADUAN DAN KEHARMONIAN DENGAN AKHLAK PENYAYANG DAN KELEMAHLEMBUTAN (RAHMATAN LIL 'ALAMIN)

Rasulullah SAW telah membina perpaduan dan keharmonian dengan akhlak (rahmah) yang mengalir laksana sungai yang menyuburkan setiap jiwa. Kasih sayang Baginda bukan sekadar retorik bibir, tetapi

terjelma dalam setiap tindakan dan dasar yang dirangka. Baginda merangkul segenap lapisan masyarakat tanpa mengira suku, bangsa, mahupun kepercayaan, lantas menjalin jambatan persaudaraan yang kukuh. Baginda memadamkan bara permusuhan lama, menggantikan dendam dengan kedamaian, dan mencipta sebuah masyarakat madani yang berlandaskan kasih sayang.

Dalam masyarakat ini, setiap individu merasakan diri mereka sebahagian daripada sebuah keluarga besar yang rukun dan harmoni. Untuk membina masyarakat madani hari ini, kita perlu strategi yang inklusif dan penyayang. Ini bermakna mengintegrasikan pelbagai komuniti, agama, dan latar belakang dalam pembangunan negara. Justeru, setiap dasar yang dibentuk, setiap inisiatif yang dilaksanakan, dan setiap suara yang dizahirkan haruslah mencerminkan semangat kebersamaan dan keadilan, memastikan tiada seorang pun yang terpinggir atau merasa terasing. Hanya dengan demikian, kita dapat menyulam permaidani perpaduan yang kukuh, di mana kepelbagaian menjadi kekuatan, dan kasih sayang menjadi pemangkin kepada kemajuan yang lestari dan harmoni. Dasar-dasar sosial dan ekonomi haruslah bersifat adil dan tidak mendiskriminasi serta memastikan tiada golongan yang terpinggir. Keharmonian masyarakat hanya dapat dicapai apabila setiap warganya merasa dihargai dan dilindungi.

MENGURUS KONFLIK DAN KRISIS DENGAN AKHLAK SABAR DAN HIKMAH

Sebelum kenabian, Rasulullah SAW sudah dikenali dengan gelar Al-Amin (yang terpercaya). Kejujuran dan amanah beliau menjadi modal awal yang sangat berharga. Kehidupan Nabi tidak pernah sunyi dari cabaran dan konflik. Namun, akhlak kesabaran (sabr) dan kebijaksanaan (hikmah) Baginda sentiasa menjadi panduan. Dalam insiden yang mencabar seperti Perjanjian Hudaibiyah, meskipun syaratnya nampak berat sebelah pada mulanya, kesabaran dan pandangan jauh Nabi membuahkan hasil jangka panjang yang besar, termasuk pembukaan kota Mekah tanpa pertumpahan darah. Baginda memilih jalan diplomasi dan berdialog, walaupun dengan musuh, sebagai strategi utama.



Dalam menyebarkan dakwah atau menyemai benih kebaikan pada era moden ini, integriti adalah tiang serinya. Seseorang yang berhasrat memimpin atau mengukir pengaruh di hati masyarakat wajiblah berdiri teguh di atas prinsip kejujuran dan amanah, sama ada percakapan atau tindakan. Nilai ini bukan sekadar cita-cita yang tidak realistik; ia adalah aset paling bernilai yang boleh digunakan dalam setiap aspek kehidupan. Ia penting dalam dunia perniagaan yang penuh saingan, dalam pentadbiran kerajaan yang mencabar, hinggalah dalam pergaulan kita setiap hari. Tanpa integriti, kredibiliti akan goyah, dan mesej murni sekalipun akan pudar tanpa bekas.

MEMBANGUN EKONOMI DAN SOSIAL DENGAN AKHLAK AMANAH DAN ADIL

Nabi Muhammad SAW bukan sahaja pemimpin agama, tetapi juga seorang pembaharu dalam bidang ekonomi dan sosial. Dengan akhlak yang penuh amanah (kepercayaan) dan keadilan (adil), Baginda membentuk sebuah sistem ekonomi yang bebas daripada riba dan penipuan. Baginda menggalakkan urusan perdagangan yang jujur, mengharamkan amalan monopoli, dan memastikan hak-hak pekerja serta golongan yang memerlukan terpelihara. Strategi pembangunan lestari Baginda SAW ini, maka Baitulmal ditubuhkan sebagai sebuah institusi kewangan yang beroperasi secara telus dan bertanggungjawab.

Untuk mencapai kemajuan ekonomi yang lestari dan adil, sesebuah masyarakat madani memerlukan strategi yang berteraskan amanah dan keadilan. Ini bermakna melawan rasuah, memastikan ketelusan dalam urusan perniagaan dan pentadbiran awam, serta membina sistem sokongan sosial yang kukuh untuk golongan rentan. Ekonomi yang adil akan merapatkan jurang kekayaan dan mengukuhkan perpaduan sosial.

MEMUPUK INTEGRITI DAN KEPIMPINAN BERWIBAWA MELALUI AKHLAK SIDDIQ DAN FATANAH

Strategi kepimpinan teladan Nabi Muhammad SAW adalah contoh kepimpinan yang paling berwibawa. Akhlak Baginda yang berlandaskan kebenaran

(siddiq) dan kecerdasan (fatanah) berjaya membina kepercayaan mutlak dalam kalangan para sahabat. Baginda tidak pernah berbohong, sentiasa menepati janji, dan memimpin umatnya dengan memberikan teladan terbaik. Kecerdasan Baginda membolehkan Baginda merancang strategi ketenteraan yang sangat hebat, seperti dalam Perang Khandaq, serta strategi dakwah yang amat berkesan.

Relevansi kepimpinan untuk masyarakat madani hari ini memerlukan kepimpinan yang berintegriti dan berwibawa. Pemimpin pada masa kini haruslah jujur, telus, dan mempunyai visi yang jelas untuk masa depan. Mereka juga perlu memiliki kecerdasan untuk memahami isu-isu yang rumit dan mencari penyelesaian yang inovatif. Pada masa yang sama, pemimpin mesti sentiasa menunjukkan akhlak yang terpuji sebagai contoh ikutan kepada rakyat. Pendekatan ini akan membina keyakinan dalam kalangan masyarakat dan memastikan setiap strategi pembangunan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

MUSYAWARAH DAN KONSULTASI

Nabi Muhammad SAW adalah teladan utama dalam menerapkan prinsip musyawarah dan konsultasi dalam setiap aspek pembentukan strategi untuk membangun masyarakat madani. Baginda tidak pernah bertindak sendirian atau membuat keputusan secara autokratik, meskipun Baginda menerima wahyu langsung dari Allah SWT. Sebaliknya, Baginda sentiasa melibatkan para sahabat dalam perbincangan, mendengar pandangan yang pelbagai, dan mengambil kira cadangan mereka sebelum memutuskan sesuatu.

Contoh yang paling jelas adalah dalam Perang Uhud, di mana Baginda memilih untuk keluar berhadapan dengan musuh di luar kota Madinah setelah bermusyawarah dengan para sahabat, meskipun pandangan awal Baginda mungkin berbeza. Begitu juga dalam Perang Khandaq, idea untuk menggali parit datang daripada Salman al-Farisi setelah proses konsultasi yang mendalam. Ini menunjukkan betapa Baginda menghargai akal dan pengalaman orang lain, bahkan dalam urusan yang sangat kritikal seperti peperangan.



Amalan musyawarah dan konsultasi yang diterapkan Nabi Muhammad SAW bukanlah sekadar proses rasmi, tetapi telah menjadi budaya kepimpinan yang sehati dalam diri Baginda. Melalui pendekatan ini, Baginda berjaya membina rasa pemilikan dan tanggungjawab bersama dalam kalangan umat. Selain itu, untuk mendapatkan pelbagai perspektif dan mencari penyelesaian yang terbaik. Dengan perbincangan yang terbuka, pelbagai idea baharu dapat dicetuskan, kelemahan dapat dikenal pasti, dan penyelesaian yang lebih menyeluruh dapat ditemukan. Ini memastikan strategi yang dirancang lebih komprehensif dan berkesan. Pendekatan ini dilihat dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan yang kukuh dalam kalangan warga. Ini merupakan asas penting bagi kestabilan dan kemajuan sesebuah masyarakat madani.


KESIMPULAN

Model Ummah Madani yang dicetuskan oleh Rasulullah SAW adalah manifestasi langsung dari kemuliaan akhlak Baginda. Setiap strategi yang dirancang, baik dalam politik, ekonomi, sosial, atau hubungan antarabangsa, sentiasa berpaksikan nilai-nilai seperti kasih sayang, keadilan, amanah, kebenaran, kesabaran, dan kebijaksanaan. Kesemua nilai ini ditekankan dalam Al-Quran yang menjadi sumber utama pegangan umat Islam. Maka hal ini bertepatan dengan hadis riwayat Muslim:

Sa'ad bin Hisham bin 'Amir berkata ketika menemui Aisyah r.a:

“**Wahai Ummul Mukminin, sampaikan kepadaku tentang akhlak Rasulullah!**” Aisyah menjawab: **“Bukankah engkau membaca Al-Qur'an?”** Aku menjawab: **“Ya.”** Aisyah berkata: **“Sesungguhnya akhlak Nabi adalah Al-Qur'an”.**

(HR. Muslim, no. 746)



Oleh yang demikian, akhlak dan strategi Nabi Muhammad SAW adalah cetak biru yang sempurna bagi umat Islam dan juga seluruh umat manusia. Mengikuti keseimbangan akhlak dan strategi Rasulullah SAW akan membina masyarakat yang makmur, harmoni, beretika, dan progresif. Ia mengajar kita bahawa pembangunan material harus seiring dengan pembangunan rohani dan moral untuk mencapai kejayaan yang hakiki di dunia dan akhirat.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Muslim ibn al-Hajjaj. Sahih Muslim: Kitab 4 (Kitab al-Salat). Retrieved from <https://sunnah.com/mishkat>

Hisham, A. a. M. I. (2013). THE PROPHETIC BIOGRAPHY (SIRAH OF IBNU HISHAM) Dar Al Kotob Al Ilmiyah

PERANAN RASULULLAH SAW DALAM MEMUPUK NILAI INTEGRITI DAN AMANAH



Mazlina binti Jalani.

Ketua Unit Integriti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM

PENDAHULUAN

Nilai integriti dan amanah merupakan asas utama dalam pembentukan sebuah masyarakat yang bertamadun. Dalam Islam, integriti bukan sekadar nilai moral, tetapi merupakan tuntutan agama yang mencerminkan keimanan dan ketakwaan seseorang kepada Allah SWT. Ia meliputi kejujuran, ketelusan serta ketekalan dalam setiap tindakan. Amanah pula adalah tanggungjawab yang wajib ditunaikan dengan jujur dan penuh kesedaran serta akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

Dalam suasana semasa yang sarat dengan cabaran seperti rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa, umat Islam memerlukan teladan unggul yang dapat dijadikan panduan. Rasulullah SAW adalah contoh terbaik dalam menerapkan nilai integriti dan amanah bukan sekadar melalui ucapan, tetapi yang lebih penting, menerusi perbuatan harian Baginda sebagai pemimpin, peniaga, dan hamba Allah SWT.

PENGERTIAN INTEGRITI DAN AMANAH DALAM ISLAM

Dalam ajaran Islam, integriti dan amanah merupakan dua nilai teras yang saling melengkapi dan menjadi asas pembentukan akhlak mulia. Integriti merujuk kepada kejujuran, konsistensi terhadap prinsip, serta kepatuhan terhadap ajaran agama. Amanah pula ialah tanggungjawab yang dipikul dengan penuh kesedaran dan keikhlasan.

Seseorang yang berintegriti akan bersikap amanah dalam menjalankan tugas, manakala individu yang amanah sudah tentu memiliki integriti tinggi dalam dirinya. Kedua-dua nilai ini ditegaskan dalam al-Quran dan hadis sebagai ciri-ciri utama seorang Mukmin.

Firman Allah SWT:

“Tidaklah Dia yang menciptakan (segala sesuatu) itu mengetahui (segala-galanya)? Dan Dialah Yang Maha Halus (perhatian-Nya), lagi Maha Mengetahui.”

(Surah al-Mulk: 14)

Ayat ini mengingatkan bahawa Allah SWT Maha Mengetahui setiap perlakuan manusia, zahir mahupun batin. Keyakinan ini menjadi asas penting dalam membina integriti, individu yang yakin Allah sedang memerhati tidak akan mudah tergelincir daripada jalan kebenaran.

Amanah pula tidak terbatas pada jawatan, tetapi merangkumi pengurusan harta, ilmu, masa, kuasa dan apa jua tanggungjawab yang diamanahkan. Ia adalah amanah yang kelak akan dipersoalkan.

Firman Allah SWT:

“Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit, bumi dan gunung-ganang (untuk memikulnya), maka semuanya enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.”

(Surah al-Ahzab: 72)

Rasulullah SAW bersabda:

"Tidak sempurna iman seseorang yang tidak amanah, dan tidak sempurna agama seseorang yang tidak menepati janji."
(Riwayat Ahmad)

Hadis ini menegaskan bahawa amanah dan integriti bukan sekadar tuntutan etika, tetapi menjadi ukuran kepada kesempurnaan iman dan agama seseorang.

RASULULLAH SAW DIKENALI SEBAGAI AL-AMIN

Sejak usia muda, Rasulullah SAW dikenali sebagai **al-Amin**, iaitu "yang dipercayai." Baginda dikenali dengan sifat jujur dalam perniagaan, ikhlas dalam pergaulan dan konsisten dalam menepati janji. Kepercayaan masyarakat Makkah kepada Baginda terbina hasil akhlak yang tinggi dan ketekalan nilai integriti sepanjang hidup Baginda.

Peristiwa meletakkan semula Hajarul Aswad membuktikan reputasi ini. Ketika timbul pertikaian dalam kalangan kabilah, mereka sepakat menyerahkan keputusan kepada orang pertama yang memasuki Masjidil Haram dan ternyata ia adalah Rasulullah SAW. Mereka menyambut Baginda dengan kata-kata: **"Ilu al-Amin! Kami redha dengan keputusannya."**

KEJUJURAN DALAM PERNIAGAAN

Rasulullah SAW memulakan kerjaya sebagai peniaga sejak remaja. Baginda tidak pernah menipu dalam timbangan, menyembunyikan kecacatan barang atau mengambil kesempatan atas pelanggan. Ketelusan Baginda terserlah ketika menjalankan perniagaan bersama Sayidatina Khadijah r.a., yang akhirnya terpicat oleh kejujuran dan amanah Rasulullah SAW.

Baginda bersabda:

"Peniaga yang jujur dan amanah akan bersama para Nabi, orang-orang yang benar dan para syuhada pada hari kiamat."
(Riwayat al-Tirmizi)

Hadis ini menekankan bahawa integriti dalam urusan dunia turut menjanjikan ganjaran akhirat.

KETEGASAN TERHADAP PENYALAHGUNAAN KUASA

Rasulullah SAW amat tegas terhadap salah guna kuasa, tanpa mengira status pelaku. Baginda bersabda:

"Demi Allah! Sekiranya Fatimah binti Muhammad mencuri, nescaya aku sendiri akan memotong tangannya."
(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Keadilan Rasulullah SAW tidak mengenal kompromi, hatta terhadap ahli keluarga sendiri. Prinsip ini menjadi asas penting dalam kepimpinan Islam yang menolak keistimewaan berdasarkan hubungan peribadi.

PIAGAM MADINAH DAN PENTADBIRAN BERINTEGRITI

Setelah hijrah ke Madinah, Rasulullah SAW membentuk negara Islam pertama yang berteraskan integriti, keadilan dan amanah. Baginda menggubal **Piagam Madinah** iaitu sebuah perlembagaan bertulis pertama dalam sejarah dunia yang mengiktiraf hak semua komuniti termasuk bukan Islam.

Dalam pentadbiran, Baginda melantik pemimpin berdasarkan kelayakan dan integriti, bukan hubungan darah daging. Keutamaan diberikan kepada amanah dan kelayakan agar keadilan dapat ditegakkan.

KETELUSAN DALAM PENGURUSAN HARTA

Rasulullah SAW amat teliti dalam mengurus harta awam dan rampasan perang (*ghanimah*). Baginda bersabda:

"Sesiapa yang kami lantik untuk mengurus sesuatu tugas, tetapi dia menyembunyikan walaupun sebatang jarum, maka dia telah mengkhianati amanah."
(Riwayat Muslim)

Integriti dalam pengurusan harta menjadi asas penting dalam membina keyakinan rakyat dan mengelakkan penyalahgunaan.

PENDIDIKAN INTEGRITI DALAM KALANGAN PARA SAHABAT

Rasulullah SAW bukan sahaja menunjukkan teladan kepimpinan yang unggul, malah turut mendidik para sahabat agar memikul amanah dengan penuh tanggungjawab. Nilai-nilai ini diteruskan oleh para Khulafa' al-Rasyidin yang menjadi contoh kepimpinan berintegriti dalam sejarah Islam.

Sayidina Abu Bakar r.a. memimpin dengan penuh tawaduk dan rasa takut kepada Allah SWT. Beliau menolak pembaziran dan sangat menjaga keadilan dalam setiap urusan kepimpinan.

Sayidina Umar al-Khattab r.a. pula dikenali sebagai pemimpin yang tegas dan adil. Beliau pernah berkata: "Jika seekor keldai jatuh di Iraq, aku takut Allah akan menyoal aku mengapa jalan tidak dibaiki?"

Sayidina Uthman bin Affan r.a. merupakan seorang tokoh yang pemurah. Beliau sanggup menginfakkan hartanya demi kepentingan umat Islam.

Sayidina Ali bin Abi Talib r.a. pula terkenal dengan prinsip keadilan yang teguh. Beliau tidak teragak-agak untuk berlaku adil walaupun melibatkan keluarganya sendiri.

ISU GHULUL: PENYELEWENGAN HARTA DALAM SIRAH

Sirah Rasulullah SAW jelas menunjukkan bahawa amanah dalam pengurusan harta merupakan satu tanggungjawab besar yang tidak boleh dikhianati. Antara bentuk pengkhianatan yang disebut dalam Islam ialah ghulul, iaitu perbuatan mengambil harta secara rahsia sebelum pembahagian yang sah dilakukan. Ia adalah satu bentuk pengkhianatan terhadap amanah yang telah ditetapkan, dan dianggap sebagai dosa besar yang diancam dengan azab neraka.

Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya ghulul (pengkhianatan harta rampasan) adalah api neraka."
(Riwayat Muslim)

Allah SWT juga berfirman:

"dan sesiapa yang berkhianat (menggelapkan sesuatu), ia akan bawa bersama pada hari kiamat kelak apa yang dikhianatinya itu."
(Surah Ali 'Imran: 161)

Dalam konteks hari ini, peringatan ini amat relevan dalam menangani rasuah dan penyelewengan dalam pentadbiran.

PENUTUP

Rasulullah SAW bukan hanya menyampaikan wahyu, tetapi membina peradaban berpaksikan integriti, amanah dan keadilan. Kepimpinan Baginda berteraskan nilai etika yang luhur, pengurusan yang telus dan keprihatinan terhadap rakyat.

Meneladani Rasulullah SAW dalam aspek kehidupan seharian sama ada sebagai pekerja, pemimpin atau ahli keluarga adalah kunci pembentukan masyarakat yang adil dan berintegriti. Umat Islam hari ini perlu memulakan perubahan dengan membudayakan integriti dari akar umbi bermula dengan pendidikan, diteruskan dengan sistem tadbir urus yang telus, dan dipimpin oleh tokoh yang beramanah.

Hanya dengan itu, kita mampu mengembalikan kepercayaan rakyat dan meraih keredaan Allah SWT.



AKHLAK NABI SAW: TERAS PEMBANGUNAN JIWA DAN MASYARAKAT



Norhayati binti Mohamad Nor
Penolong Pengarah Kanan Institut Latihan Islam Malaysia, JAKIM

PENDAHULUAN

Maksudnya: **"Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu, (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah."**

(Surah al-Ahzab ayat 33 : 21)

Akhlak adalah tunjang dalam kehidupan seorang Muslim. Ia bukan sekadar adab sopan, malah mencerminkan keimanan dan keperibadian seseorang. Dalam sejarah Islam, akhlak Nabi Muhammad SAW menjadi contoh agung yang diiktiraf oleh kawan dan lawan. Baginda diutus bukan hanya menyampaikan wahyu, tetapi juga untuk menyempurnakan akhlak manusia. Al Quran memperjelaskan tujuan suci ini di dalam banyak ayat. Antaranya ialah firman Allah SWT:

Maksudnya: **(Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang rasul daripada kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajar kamu kandungan Kitab (al-Quran) serta hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui.**

(Surah al Baqarah 2:151)

Jika kita membuka lembaran hadis, kita akan dapati Rasulullah SAW menjelaskan tujuan perutusan Baginda sepertimana berikut:

Maksudnya: **Sesungguhnya saya diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.**

(Riwayat al Baihaqi)

Akhlak Rasulullah SAW memainkan peranan yang fundamental dalam proses pembentukan insan yang seimbang dari aspek rohani dan emosi. Nilai-nilai akhlak yang diteladani daripada Baginda menjadi asas kepada pembangunan jiwa yang murni serta mencorakkan sebuah masyarakat yang stabil, adil dan penuh dengan nilai kasih sayang. Kesejahteraan masyarakat hanya dapat dicapai apabila prinsip-prinsip akhlak ini diamalkan secara menyeluruh dan konsisten dalam kehidupan bermasyarakat. Justeru, akhlak Nabi SAW bukan sekadar melibatkan urusan peribadi, bahkan menjadi teras kepada pembinaan tamadun yang beretika dan berperikemanusiaan.

NABI MUHAMMAD SAW CERMINAN KESEMPURNAAN AKHLAK

Al-Quran dan Sunnah Nabi SAW merupakan sumber utama akhlak. Rasulullah SAW merupakan contoh akhlak terbaik. Sesungguhnya Rasulullah SAW menjadi ikutan dalam segenap perkara. Rasulullah SAW model seorang individu dalam masyarakat, seorang suami, seorang bapa yang mendidik anak-anak, malah menjadi pemimpin yang paling ulung dalam mentadbir dan menguruskan sesebuah negara (Rijaluddin Yahya et.al, 2014).

Allah SWT memuji Baginda SAW seorang manusia yang sangat jujur, penyayang, penyabar, pemaaf dan adil. Akhlak Baginda SAW menjadi panduan sepanjang zaman. Perakuan benar dan pengiktirafan keagungan akhlak Rasulullah SAW dijelaskan dalam firman Allah SWT:

Maksudnya: **Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.**

(Surah al Qalam 68:4)

Bahkan, ketika Sayidatina Aisyah r.a. menjelaskan mengenai akhlak Rasulullah menyatakan bahawa tidak ada seorang pun yang memiliki akhlak yang lebih mulia daripada Baginda SAW sepertimana berikut:

Maksudnya: **Akhlak Rasulullah SAW adalah al Quran.**

(Riwayat Muslim)

SIKAP DAN PERIBADI NABI MUHAMMAD SAW

Rasulullah SAW menekankan aspek akidah dalam pembentukan akhlak yang mulia. Menanamkan akidah atau kepercayaan yang benar ke dalam jiwa seseorang merupakan asas kepada akhlak yang luhur dan unggul. Sudah tentu kebaikan yang dilakukan tanpa bertunjangkan keimanan dalam jiwa satu perkara yang sia-sia di sisi Allah SWT sepertimana firman Allah SWT:

Maksudnya: **Adakah kamu sifatkan hanya perbuatan memberi minum kepada orang-orang yang mengerjakan haji, dan (hanya perbuatan) memakmurkan Masjidilharam itu sama seperti orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta berjihad pada jalan Allah? Mereka (yang bersifat demikian) tidak sama di sisi Allah, dan Allah tidak memberikan hidayah petunjuk kepada kaum yang zalim.**

(Surah at-Tawbah 9:19)

Ilmu juga merupakan asas penting untuk membentuk akhlak yang mulia. Ilmu dan iman berjalan seiringan dalam membentuk akhlak yang mulia. Al Tabari (1999) menjelaskan bahawa orang yang takutkan azab Allah SWT ialah orang yang berilmu pengetahuan tentang kekuasaan Allah SWT. Ketakutan dan ketakwaan ini yang akan mendorong mereka berakhlak mulia serta mentaati segala perintah Allah SWT.

Kesempurnaan perkembangan akhlak amat berkait rapat dengan kesempurnaan perkembangan akal, kejiwaan dan sosial. Seseorang anak yang dikasihi dan disayangi akan memiliki akhlak yang positif, jiwa yang kental dan keyakinan yang utuh.

Kasih sayang Rasulullah SAW terhadap kanak-kanak dinyatakan melalui riwayat Abu Qatadah, pada suatu hari Nabi SAW keluar menemui beliau. Kemudian beliau nampak Baginda mendukung 'Umamah Abu 'Asr sambil bersembahyang. Apabila rukuk, Baginda meletakkannya dan apabila bangun, Baginda mendukung semula 'Umamah. Hadis ini menjelaskan betapa dalamnya kasih sayang Rasulullah SAW kepada cucu Baginda. Baginda membenarkan anak tersebut bersamanya ketika sembahyang, sedangkan sembahyang itu adalah ibadah suci dalam Islam (Ulwan, 1998).

Kasih sayang yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW ini perlu dicontohi oleh ibu bapa ketika mendidik anak-anak. Kasih sayang yang ditunjukkan oleh ibu bapa kepada anak-anak akan menambahkan lagi penghormatan si anak terhadap orang tua mereka. Namun, kasih sayang yang ditunjukkan bukanlah bermaksud terhalangnya ibu bapa untuk menghukum anak-anak apabila mereka

melakukan kesalahan. Bahkan, hukuman itu sebenarnya sebahagian daripada kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak, bukan kerana melepaskan geram atau dendam yang terpendam di hati (Ulwan, 1998).

Akhlak Rasulullah SAW merupakan contoh unggul yang merangkumi pelbagai dimensi nilai kemanusiaan dan kepimpinan. Sejak kecil, Baginda dikenali sebagai al-Amin kerana kejujuran dan amanahnya yang tidak pernah dipersoalkan dalam sebarang urusan (Ibn Ishaq, 2004). Sifat lemah-lembut dan kasih sayang Baginda jelas dalam tindakan yang sentiasa membalas keburukan dengan kebaikan, malah mendoakan kesejahteraan musuh-musuhnya, sebagaimana ditegaskan dalam al-Quran:

Maksudnya: **Dan tiadalah Kami mengutuskan kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam.**

(Surah al-Anbiya 21: 107).

Meskipun diangkat sebagai Rasul dan pemimpin agung, Baginda tetap merendah diri, membantu kerja rumah dan tidak bersikap sombong, tidak merasakan dirinya lebih hebat, lebih mulia atau lebih tinggi kedudukannya daripada orang lain, walaupun Baginda adalah Nabi dan pemimpin umat Islam. Kesabaran dan sifat pemaaf Baginda pula terserlah dalam peristiwa Taif dan Fathu Makkah, apabila Baginda memilih untuk memaafkan mereka yang pernah menghina dan menyakitinya (Ibn Ishaq, 2004). Di samping itu, Baginda juga menunjukkan keberanian dan ketegasan yang luar biasa dalam menegakkan kebenaran, tanpa gentar terhadap ancaman atau penentangan yang dihadapi. Seluruh dimensi akhlak ini menjadikan Rasulullah SAW sebagai model sempurna bagi umat Islam dalam membina keperibadian yang holistik.

Inilah sebab mengapa akhlak Nabi SAW menjadi teras pembangunan jiwa dan masyarakat kerana ia menyentuh hati, memimpin akal, dan menghidupkan rasa tanggungjawab sosial.

KEPENTINGAN AKHLAK DALAM PEMBANGUNAN JIWA DAN MASYARAKAT

Akhlak ialah tingkah laku, sikap dan keperibadian seseorang yang terbentuk berdasarkan iman, ilmu dan kesedaran terhadap tanggungjawab kepada Allah SWT dan sesama manusia. Ia merangkumi sifat-sifat mulia seperti jujur, sabar, amanah, lemah-lembut dan pemaaf (al-Ghazali, t.th). Akhlak Islam adalah asas yang membentuk kekuatan dalaman seseorang. Ia mendorong manusia melakukan kebaikan atau kejahatan. Oleh itu, akhlak hendaklah sentiasa dipelihara supaya sentiasa bersih dan suci.

Keperibadian seseorang Muslim yang seimbang dari aspek rohani dan jasmani serta berintegriti terbentuk daripada akhlak yang baik dan terpuji. Individu yang berakhlak mulia memiliki jati diri yang kukuh serta mampu berpegang

pada prinsip kebenaran dalam setiap tindakan. Nilai-nilai ini membentuk keteguhan moral yang menjadi tunjang kepada integriti dalam diri seseorang. Al-Qaradawi (2006) menegaskan bahawa akhlak merupakan elemen teras dalam pembinaan insan kerana ia mencorakkan pemikiran, sikap dan tindakan seseorang selaras dengan tuntutan Islam.

Selain itu, akhlak berfungsi sebagai mekanisme kawalan emosi dan panduan dalam membuat keputusan secara hikmah. Individu yang berakhlak tinggi dapat menilai situasi secara objektif serta membuat pertimbangan yang rasional dan adil, tanpa dipengaruhi oleh emosi negatif atau hawa nafsu. Akhlak yang berasaskan ilmu dan hikmah melahirkan insan yang mampu menyeimbangkan akal, hati dan tindakan dalam setiap aspek kehidupan.

Dari sudut sosial, akhlak memainkan peranan signifikan dalam memperkukuh hubungan antara anggota masyarakat. Nilai-nilai seperti saling menghormati, bertolak ansur, dan amanah menjadi asas kepada keharmonian sosial dan kestabilan komuniti. Pemerkasaan akhlak dalam masyarakat secara menyeluruh mampu mengurangkan konflik dan mewujudkan iklim sosial yang kondusif untuk pembangunan bersama.

Lebih daripada itu, akhlak menjadi asas kepada pembentukan kepercayaan dan jaringan kerjasama yang kukuh dalam kehidupan bermasyarakat dan berorganisasi. Nilai kejujuran, kesetiaan, tanggungjawab dan empati merupakan elemen penting yang menyuburkan

kepercayaan antara individu dan kumpulan. Al-Ghazali (t.th) menegaskan bahawa akhlak yang luhur bukan sahaja memperbaiki hubungan interpersonal, malah menjadi asas utama dalam pembangunan tamadun manusia yang berasaskan nilai dan etika.

Apabila akhlak Nabi SAW dijadikan panduan, individu menjadi insan berjiwa tenang, tidak mudah dikuasai oleh nafsu atau kebencian. Jiwa yang terbina inilah yang mencorak masyarakat berakhlak tinggi, bebas daripada krisis akhlak dan penuh dengan nilai manusiawi.

Dalam konteks masyarakat moden yang berhadapan dengan pelbagai cabaran sosial, meneladani akhlak Rasulullah SAW adalah langkah penting dalam memulihkan nilai kemanusiaan, empati dan integriti yang semakin terhakis.

KESIMPULAN

Akhlak Nabi SAW bukan sekadar sejarah yang dikenang, tetapi contoh hidup yang mesti dihidupkan kembali dalam diri dan masyarakat kita. Jika umat Islam benar-benar menghayati dan mengamalkan akhlak Baginda, bukan sahaja individu akan menjadi insan cemerlang, malah masyarakat akan menjadi lebih sejahtera dan diberkati. Oleh itu, marilah kita semua menjadikan akhlak Rasulullah SAW sebagai asas dalam membentuk jiwa yang kukuh dan masyarakat yang harmoni.



SENYUMAN RASULULLAH: SIMBOL KASIH DAN RAHMAT KEPADA UMMAH




Nik Mohd Nasrun Bin Nik Abdullah
Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pendidikan, JAKIM

RAHMATAN LIL 'ALAMIN

Nabi Muhammad SAW adalah rahmat bagi seluruh alam semesta. Kasih sayang dan rahmat yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW meliputi seluruh aspek kehidupan, baik di dunia mahupun di akhirat. Baginda diutus untuk membimbing manusia ke jalan yang benar, menyempurnakan akhlak dan memberikan syafaat bagi umatnya. Kasih sayang dan rahmat Nabi Muhammad SAW adalah anugerah besar bagi umat manusia. Oleh yang demikian, umat Islam diperintahkan untuk meneladani akhlak Baginda dengan menunjukkan keceriaan,

keramahan dan juga kepekaan terhadap perasaan orang lain serta sentiasa bersyukur atas rahmat yang telah diberikan.

Umum mengetahui bahawa Rasulullah merupakan contoh ikutan terbaik yang tiada tolok bandingnya. Antara akhlak mulia yang patut dicontohi oleh umat Islam ialah cara pergaulan Baginda dengan para sahabat iaitu sentiasa menunjukkan muka manis dan tak lekang dengan senyuman di wajah.



SENYUMAN: AKHLAK MULIA RASULULLAH SAW

Nabi Muhammad SAW mengajarkan betapa pentingnya senyuman dalam berinteraksi dengan sesama manusia. Senyum adalah sedekah yang mudah dilakukan dan dapat membawa kebahagiaan kepada orang lain. Bahkan Rasulullah SAW tetap tersenyum walaupun disakiti. Baginda tidak marah walaupun dirinya dianiaya namun akan marah jika agama Allah SWT dihina.

SENYUM ITU SEDEKAH

Hadis yang selalu didengar dan diamalkan iaitu Rasulullah SAW sentiasa menganjurkan umatnya menurut kata-kata yang baik dan memamiskan wajah apabila berbicara. Sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: **"Janganlah kamu mengecilkan perbuatan baik walaupun kecil, meskipun hanya dengan berwajah manis saat menemui saudaramu."**

(Hadis Sahih Muslim - 2626 Kitab al-Birru wa al-Shilah wa al-Adab).

Dalam hadis lain, sabda Rasulullah SAW:

Bermaksud: **"Senyumanmu ke wajah saudaramu adalah sedekah bagimu."** (Hadis Hasan At-Tirmidzi (1956) Kitab Al-Birru wa Ash-Shilah). **Hadis ini mengajarkan tentang pentingnya senyuman dalam Islam. Senyuman kepada sesama muslim dianggap sebagai bentuk sedekah dan mempunyai nilai pahala di sisi Allah. Tiada kebajikan dan kebaikan yang amat mudah dilakukan dengan tawaran ganjaran pahala sedekah, iaitu senyuman. Cukup indah Islam mengajar umatnya membina kebaikan yang akan menghidupkan hati ke arah perbuatan yang membawa kebaikan.**

NILAI ROHANI DI SEBALIK SENYUMAN

Senyuman bukan sekadar pekerjaan bagi otot, senyum juga adalah kerja hati. Jika dalam hati penuh dengan kekacauan, kesulitan atau perasaan tidak tenang, maka sukarlah untuk bibir mengukir senyuman. Tetapi jika hati penuh tawaduk, ikhlas dan perasaan kasih sayang, maka ringanlah bibir melempar senyuman. Selain itu, hadis ini juga menekankan bahawa tidak ada perbuatan baik yang dianggap remeh, bahkan senyuman yang terlihat sederhana pun boleh menjadi amal yang besar.

Banyak faedah dan kelebihan apabila senyuman sentiasa terukir di bibir. Ia dapat mencairkan suasana, menciptakan kebahagiaan, dan mempererat hubungan antara sesama

manusia. Dengan demikian, saranan hadis ini yang sentiasa mengajak umat Islam untuk selalu menampilkan wajah yang ceria dan ramah, mengikhlaskan wajah serta menebarkan kebaikan melalui senyuman adalah amat penting untuk dihayati oleh setiap muslim.

Senyum adalah amalan yang mudah dilakukan, tidak memerlukan wang atau harta benda tetapi tetap mendatangkan pahala. Senyuman dapat menghilangkan rasa sombong dalam diri, menjauhkan sifat mazmumah dan mendekatkan hubungan antara sesama manusia. Nabi Muhammad SAW amat menganjurkan umatnya supaya sentiasa menunjukkan muka manis kerana padanya terdapat kebaikan, keramahan, dan kesederhanaan serta akan diberi ganjaran pahala oleh Allah SWT. Mengambil contoh mudah yang boleh diamalkan dalam konteks bermanis muka seperti senyum ketika bertemu rakan, senyum ketika berinteraksi dengan orang yang memerlukan bantuan, senyum ketika masuk lif dan senyum ketika memberi salam kepada orang lain. Dengan erti kata lain, senyum adalah ibadah yang ringan tetapi besar manfaatnya baik di dunia mahupun di akhirat.

KESIMPULAN

Kasih sayang Nabi Muhammad SAW kepada umatnya sangat mendalam dan patut menjadi contoh teladan bagi setiap Muslim. Umat Islam seharusnya sentiasa bersyukur atas nikmat menjadi umat Nabi SAW dan berusaha untuk mengamalkan ajaran dan sunnah Baginda dalam kehidupan seharian. Dengan memahami konsep senyum sebagai sedekah, kita dapat melihat bahwa ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW memberikan kesempatan yang luas bagi setiap muslim untuk berbuat kebaikan dan beribadah. Ini menunjukkan keindahan dan lengkapnya ajaran Islam yang memperhalusi setiap aspek kehidupan manusia.

Hakikatnya, senyuman itu sunnah yang begitu ringkas dan sangat mudah dipraktikkan, akan tetapi kesannya begitu besar bukan sahaja kepada pemiliknya yang mengukir senyuman, bahkan manusia di sekelilingnya. Mengamalkan sunnah yang kecil tapi besar manfaatnya. Senyum mendidik hati menjadi lembut, membina sifat sabar dan menjauhkan diri daripada sombong. Senyuman itu tanda keimanan, lambang iman yang hidup. Dalam erti kata lain, orang yang mudah tersenyum menandakan hatinya sentiasa dengan dengan sifat rahmah yang diajarkan oleh Rasulullah SAW.

Marilah kita contohi Rasulullah SAW dengan sentiasa mengukir senyuman pada setiap masa, saat susah mahupun senang, saat kegembiraan mahupun kemarahan. Senyuman pengikat kasih antara manusia dan tanda rahmat serta sunnah Baginda dalam setiap langkah kehidupan.

SUNNAH DI TEMPAT KERJA: ETIKA PROFESIONAL MENURUT KACA MATA ISLAM



Muhammad Fahdi Bin Mohamed Sobri

Cawangan Hal Ehwal Antarabangsa, Bahagian Dasar Kemajuan Islam JAKIM

Sebagai seorang Muslim, pekerjaan bukan sekadar satu keperluan duniawi untuk mencari nafkah. Ia adalah ruang untuk melaksanakan amanah dan menzhirkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian. Di tempat kerja, akhlak dan etika bukan hanya mencerminkan peribadi seseorang, bahkan juga mencerminkan keimanan dan penghayatan terhadap ajaran Rasulullah SAW.

Baginda SAW telah menunjukkan contoh terbaik bagaimana menjalani kehidupan profesional dengan penuh integriti, disiplin, amanah, dan ihsan. Menghidupkan sunnah di tempat kerja bukan hanya membina persekitaran yang positif, bahkan turut menarik keberkatan Allah SWT dalam rezeki yang diperoleh.

NIAT YANG IKHLAS

Niat merupakan perkara asas kepada setiap amalan. Begitu juga dalam konteks bekerja, niat yang ikhlas adalah kunci utama untuk memperoleh keberkatan dan ganjaran daripada Allah SWT. Seseorang yang bekerja dengan niat yang benar iaitu untuk mencari rezeki yang halal, menyara keluarga, memberi manfaat kepada masyarakat, dan menunaikan tanggungjawab sebagai hamba Allah akan dinilai amalannya sebagai ibadah, walaupun kerjanya bersifat duniawi. Ikhlas dalam bekerja juga menjadikan seseorang lebih sabar, tekun dan tidak mudah putus asa walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Sebaliknya, jika niat bekerja semata-mata untuk mengejar pangkat, pujian atau kekayaan tanpa memikirkan keberkatan dan kejujuran, maka pekerjaan itu boleh kehilangan nilai spiritual. Keikhlasan akan

mencetuskan integriti dalam tindakan, menjauhkan diri daripada penipuan, serta menanam rasa amanah dan tanggungjawab. Oleh itu, sebelum memulakan sebarang tugas, penting untuk kita sentiasa memperbaharui niat agar kerja yang dilakukan bukan sahaja menghasilkan hasil yang baik, tetapi turut menjadi bekalan pahala di akhirat.

Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya amal itu bergantung kepada niat, dan sesungguhnya bagi setiap orang apa yang diniatkannya"

(HR Bukhari & Muslim)

Tanpa niat yang ikhlas, pekerjaan akan hanya menjadi rutin yang melelahkan. Namun, apabila dimulakan dengan niat kerana Allah, setiap tugas yang dilaksanakan, mesyuarat, laporan yang ditulis, semuanya akan menjadi sebahagian daripada amal soleh. Bahkan, sabar dalam menghadapi tekanan kerja juga menjadi ladang pahala.

JUJUR DAN AMANAH

Allah berfirman dalam Surah an-Nisa' ayat 58: **"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak"**

Kejujuran adalah asas kepada akhlak seorang Muslim di tempat kerja. Ini meliputi kejujuran dalam setiap perbuatan, kerja yang dilakukan, masa yang digunakan, dan maklumat yang disimpan. Pekerja yang jujur tidak akan menyembunyikan kesalahan, memutar belit fakta, atau mencari jalan pintas yang melanggar etika.

Amanah yang diberikan sama ada dalam bentuk pangkat, kedudukan, akses kepada maklumat sulit, pengurusan kewangan, atau kepimpinan dalam pasukan, hendaklah dipikul dengan penuh tanggungjawab. Seorang Muslim hendaklah menjauhi sikap sambil lewa atau 'asal siap', serta menepati kepercayaan yang diberikan oleh majikan dan rakan sekerja.

IHSAN DALAM BEKERJA

Konsep ihsan dalam Islam sangat luas. Dalam konteks profesional, ia bermaksud melaksanakan tugas dengan kesungguhan, ketelitian, serta sentiasa berusaha memperbaiki kualiti kerja. Seorang pekerja Muslim tidak seharusnya sentiasa berpuas hati dengan kerja yang sekadar mencukupi malah sebaliknya sentiasa bermotivasi dan bersungguh-sungguh untuk menghasilkan yang terbaik.

Sabda Nabi SAW:

"Sesungguhnya Allah menyukai apabila seseorang daripada kamu melakukan sesuatu kerja, dia melakukannya dengan tekun (Itqan)."
(HR al-Baihaqi)

Ihsan juga bermakna sentiasa bersedia menambah ilmu, mengasah kemahiran dan peka terhadap perkembangan dalam bidang kerja masing-masing. Pekerja yang berpegang kepada sunnah tidak melihat kerjayanya sekadar untuk 'makan gaji', tetapi sebagai wadah untuk memberi manfaat kepada masyarakat dan mengangkat martabat ummah.

HORMAT RAKAN SEKERJA

Menghormati rakan sekerja adalah asas kepada suasana kerja yang harmoni dan produktif. Setiap individu di tempat kerja datang dari latar belakang yang berbeza, pandangan, idea dan keperibadian yang unik. Apabila kita belajar untuk menghormati perbezaan ini, kita bukan sahaja mewujudkan suasana kerja yang selesa, tetapi juga menggalakkan kerjasama yang lebih berkesan. Hormat boleh ditunjukkan melalui tutur kata yang sopan, mendengar pandangan orang lain tanpa memotong, serta mengelakkan perbuatan memperkecilkan atau menjatuhkan maruah rakan sekerja.

Dalam Islam, menghormati sesama manusia adalah tuntutan akhlak mulia. Nabi Muhammad SAW menekankan pentingnya menjaga hubungan sesama Muslim, termasuk di tempat kerja. Apabila wujud rasa hormat dalam kalangan pekerja, semangat berpasukan akan lebih kukuh, dan konflik dapat dielakkan. Malah penghormatan sesama rakan sekerja adalah sebahagian daripada adab bekerja yang membawa kepada keberkatan rezeki dan kemajuan organisasi secara keseluruhan.

Dalam dunia kerja yang serba mencabar, sifat rendah diri atau tawadu' dan sifat kasih sayang akan mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni, produktif dan penuh dengan keberkatan.

ADAB DALAM KOMUNIKASI

Dalam era moden yang serba pantas dan digital, komunikasi dalam pekerjaan telah berkembang daripada perbualan secara bersemuka kepada pelbagai medium seperti e-mel, mesej segera, dan mesyuarat dalam talian. Namun begitu, kepesatan teknologi tidak boleh mengabaikan keperluan kepada adab dan etika dalam berkomunikasi. Penggunaan bahasa yang sopan, jelas dan profesional tetap menjadi keutamaan, sama ada dalam komunikasi lisan mahupun tulisan. Walaupun medium berubah, nilai murni dalam berkomunikasi seperti bersabar, mendengar dengan teliti, dan memberi respon yang sesuai masih perlu dikekalkan.

Adab juga merangkumi kepekaan terhadap waktu dan kesesuaian mesej. Menghantar mesej di luar waktu kerja tanpa keperluan mendesak, menggunakan nada arahan yang kasar, atau memberi komen secara terbuka yang boleh menjatuhkan air muka rakan sekerja adalah contoh komunikasi yang tidak beradab. Dalam suasana kerja masa kini yang semakin terbuka dan pelbagai budaya, penting untuk kita menjaga komunikasi agar tidak menyinggung atau mewujudkan suasana yang toksik. Komunikasi yang beradab membantu membina kepercayaan, menyelesaikan masalah dengan lebih berkesan dan mengelakkan konflik yang tidak perlu.

Peringatan Allah melalui firman-Nya dalam Surah al-Hujurat ayat 11 dan 12 agar kita tidak merendah-rendah, berburuk sangka atau mengumpat sesama sendiri perlu ditiitik beratkan. Ini selari dengan prinsip komunikasi profesional yang menuntut kita menjaga maruah, berlapang dada dan menzahirkan penghormatan kepada semua peringkat dalam organisasi. Justeru, adab komunikasi bukan hanya mencerminkan keperibadian individu, malah turut mencerminkan budaya kerja dan nilai organisasi secara keseluruhan.

Sunnah Nabi Muhammad SAW bukan hanya untuk dilaksanakan di masjid atau dalam ibadah khusus, malah merangkumi seluruh aspek kehidupan termasuk di tempat kerja. Dengan menghayati dan mengamalkan etika profesional menurut kacamata Islam, seorang Muslim bukan sahaja meningkatkan reputasi dan integriti diri, malah turut membawa keberkatan dalam rezeki dan membina masyarakat kerja yang harmoni serta sejahtera. Semoga kita semua sentiasa diberikan kekuatan untuk menghidupkan sunnah Rasulullah SAW dalam setiap lapangan hidup, termasuk di alam profesional.

PERANAN BELIA DALAM MENGHIDUPKAN SUNNAH DAN MEMBINA UMMAH



Norzaidan bin Haji Hamad
Ketua Unit Komunikasi Korporat, JAWI

Ummum mengetahui bahawa belia adalah merupakan aset penting dalam pembangunan sesebuah ummah dan negara. Belia perlu memiliki kekuatan yang teguh dalam berhadapan dengan cabaran hidup. Belia adalah generasi yang bakal mengambil alih tampuk pemerintahan negara di masa hadapan. Justeru, adalah penting untuk mereka mempersiapkan diri bagi menerajui negara kelak.

Dalam perspektif Islam, belia tidak sekadar dinilai dalam aspek tenaga fizikal sahaja, tetapi belia yang cemerlang adalah memiliki ciri-ciri hebat yang holistik merangkumi aspek fizikal, spiritual, intelektual dan kepimpinan. Rasulullah SAW dalam kepimpinannya Baginda telah memberi perhatian besar terhadap golongan belia dan memberikan belia peranan yang penting dalam pembangunan ummah.

Nama-nama yang tersohor seperti Ali bin Abi Thalib, Usamah bin Zaid, Anas bin Malik, Sa'ad bin Abi Waqqash, Mus'ab bin Umair, Abdullah bin Abbas, Zubair bin Awwam dan lain-lain lagi telah terpatir dalam lipatan sejarah Islam sebagai belia yang cemerlang dalam melaksanakan tugas-tugas dakwah di bawah bimbingan Rasulullah SAW.

Sahabat-sahabat muda ini telah menggalas tanggungjawab yang sangat signifikan dalam dakwah Rasulullah SAW. Misalnya Usamah bin Zaid dilantik telah menjadi panglima perang pada usia 18 tahun dan Ali bin Abi Thalib telah diamanahkan oleh Rasulullah SAW untuk menggantikan tempat tidur Rasulullah SAW tatkala Baginda mendapat perintah untuk berhijrah ke Madinah. Ini membuktikan bahawa belia mempunyai kedudukan istimewa dalam usaha menghidupkan sunnah Nabi SAW dan membina ummah.

Peranan belia dalam menghidupkan sunnah ke arah membina ummah harus dilihat dalam dimensi yang betul. Sunnah merujuk kepada cara hidup atau amalan Rasulullah SAW yang merangkumi ucapan (qaul), perbuatan (fi'l) dan persetujuan diam Nabi (taqrir). Secara tuntasnya sunnah juga bukan hanya terbatas kepada pakaian atau penampilan, tetapi merangkumi seluruh aspek kehidupan Rasulullah SAW termasuk ibadah, mua'malah, akhlak, hingga kepada kepimpinan. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud **"Sesungguhnya pada (diri) Rasulullah itu contoh teladan yang baik bagimu..."**

Belia perlu menghidupkan sunnah dalam diri mereka dengan cara mencontohi gaya hidup Rasulullah SAW dalam segenap aspek termasuklah tegas dalam mempertahankan kesucian Islam, bersifat adil dalam kepimpinan, berlaku jujur dalam perniagaan, tabah dalam berhadapan dengan ujian dan menayangi keluarga serta sahabat. Jika belia mampu menjadikan contoh Rasulullah SAW sebagai teladan hidup nescaya mereka mampu membentuk masyarakat yang berakhlak dan seimbang.

Rasulullah SAW bukan sahaja menyampaikan wahyu Ilahi, tetapi Baginda juga telah menunjukkan cara melaksanakannya dalam kehidupan nyata. Baginda adalah manusia paling sempurna dalam akhlak, pengurusan rumah tangga, interaksi sosial, pengurusan masa, serta pendekatan kepimpinan. Sunnah adalah sesuai diaplikasikan dalam setiap zaman dan tempat kerana nilai-nilainya bersifat sejagat dan abadi.

Belia perlu untuk menghayati nilai-nilai baik dalam Islam agar ia dapat membentuk peribadi Muslim yang sejati, pemaaf, sabar, kasih sayang, tawaduk dan berani kerana benar. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud **"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."**
(Riwayat Ahmad).

Hadis ini menunjukkan bahawa misi utama kerasulan Nabi Muhammad SAW adalah untuk membimbing manusia kepada akhlak yang mulia.

Masyarakat Islam yang terbina di atas paksi sunnah akan membentuk nilai-nilai keadilan, tolong-menolong, bertolak ansur, bekerjasama dan kasih sayang. Rasulullah SAW sendiri telah berjaya menyatukan masyarakat Madinah yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama. Inilah model yang perlu dicontohi oleh kepimpinan belia masa kini dalam usaha membina kekuatan ummah ke arah berhadapan dengan pelbagai cabaran dan mehnah kehidupan.

Berhadapan dengan dunia yang semakin mencabar pada hari ini, belia harus mempersiapkan diri untuk memainkan peranan penting dalam membawa mesej kasih sayang dan kedamaian dengan menjadikan Rasulullah SAW sebagai "uswatun hasanah" iaitu contoh ikutan yang terbaik sepanjang zaman. Belia perlu mampu menunjukkan teladan yang baik melalui media sosial dengan menjadi pendakwah digital untuk menyebarkan kandungan yang membina kepada ummah.

Akhir kalam, bagi merealisasikan aspirasi kepimpinan negara untuk melahirkan generasi belia yang berakhlak mulia dan mampu menghidupkan sunnah dalam kehidupan mereka demi kebaikan ummah, maka suri teladan Rasulullah SAW perlu dijadikan pedoman. Baginda terbukti berjaya melahirkan para sahabat muda yang memiliki jiwa besar dan bertanggungjawab terhadap masyarakat. Belia pada hari ini perlu membebaskan diri daripada belenggu hiburan melampau dan budaya hedonisme dengan menampilkan diri sebagai agen perubahan yang berwibawa bagi mencapai kebahagiaan hidup dunia dan akhirat.

MENGHIDUPKAN SUNNAH DALAM DUNIA DIGITAL: CABARAN DAN STRATEGI



Dr. Adam Bin Drahtman,

Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, JAWI



PENDAHULUAN

Era dunia digital telah membawa impak dan revolusi dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuklah cara kita berkomunikasi, beribadah, mendapatkan maklumat dan tidak terkecuali dalam menghidupkan sunnah Nabi SAW. Masyarakat Malaysia hari ini hidup dalam era yang dipenuhi dengan ruang pengetahuan yang luas melalui teknologi digital. Dengan adanya internet, bahan rujukan ibadah, seperti amalan sunnah, fatwa, pandangan individu, dan pelbagai sumber pengetahuan dapat diakses dengan mudah.

Dengan kemajuan dalam bidang elektronik dan telekomunikasi ini juga merupakan antara faktor perkembangan era digitalisasi yang menyebabkan proses penyebaran maklumat berlaku dengan pantas tanpa ada

batasan geografi (Wan Fariza 2009). Sudah belasan tahun perkara ini telah dibahaskan, perkembangan dan ledakan teknologi ini tetap mencetuskan proses transformasi di mana ianya telah melanda seluruh dunia nyata mahupun maya. Digitalisasi ini juga telah menimbulkan pelbagai bentuk halangan dan cabaran bagi sistem penyampaian dakwah Islam di dunia amnya dan Malaysia khususnya. Justeru, al-Qur'an dan Sunnah Nabi menjadi panduan utama yang diperlukan bagi mendepani isu-isu dan bahan-bahan untuk disampaikan kepada umat manusia khususnya di dunia maya.

Di samping itu platform digital juga sering kali disalah guna oleh pihak yang mempunyai agenda tertentu untuk menyebarkan informasi yang tidak sahih. Ini termasuklah individu atau kumpulan yang mempunyai tujuan pandangan dan ideologi tertentu yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Mereka mungkin

menggunakan platform digital untuk menyebarkan ajaran menyimpang yang boleh menjejaskan pemahaman tentang Islam (Pacific et al, 2020). Perkara ini sekiranya tidak dikawal dan dicermati, akan mengakibatkan kesan yang buruk terhadap umat Islam khususnya generasi muda.

Islam melihat perubahan sebagai satu sunnatullah, iaitu aturan hidup yang ditentukan oleh Allah SWT. Mengatur hidup dalam persekitaran fitrah dengan dilengkapi ekosistem yang saling berinteraksi secara mampan antara satu sama lain boleh mencapai matlamat kesejahteraan dan kebahagiaan (Zulkifle, 2021). Setiap unsur saling lengkap melengkapi dalam keseimbangan dan kesejahteraan. Ekosistem media Islam adalah bidang baru yang belum diterokai secara mendalam, namun sangat penting untuk dibangunkan secara sistematik bagi memastikan wujudnya solusi media Islam sebagai wadah kepada pembinaan identiti dan penerusan dakwah digital khususnya dalam menghidupkan sunnah.

Melalui proses penyampaian inilah, Allah SWT telah membekalkan banyak kaedah dalam menghidupkan sunnah dalam aktiviti dakwah yang boleh dijadikan panduan. Surah al-Nahl antaranya, ayat 125 Allah SWT berfirman maksudnya: "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik".

CABARAN

Di sebalik kelebihan ini, dunia digital juga menyajikan cabaran besar seperti penyebaran hadis palsu, hadis daif yang dianggap sahih, ketergantungan terhadap teknologi, dan gangguan media sosial yang boleh menjejaskan akidah. Oleh itu, timbul persoalan, adakah umat Islam hari ini bijak memanfaatkan dunia digital, atau mereka menjadi mangsa banjiriran maklumat yang tidak terkawal ini. Tidak dapat dinafikan bahawa dunia digital memberikan banyak kelebihan kepada pengguna. Hanya dengan beberapa klik, mereka boleh mengakses bahan rujukan dari pelbagai sumber yang berkualiti atau sebaliknya.

Kemudian cabaran kebergantungan kepada media sosial juga boleh menjejaskan hubungan sosial mereka di dunia nyata. Pengguna mungkin lebih selesa berinteraksi secara maya berbanding bersemuka. Sekiranya dinormalisasikan situasi ini, ia boleh menjejaskan kemahiran komunikasi apabila berada dalam situasi sebenar. Teknologi digital seharusnya menjadi alat untuk membantu pengguna, tetapi ketergantungan yang berlebihan boleh memberi kesan buruk.

Selain itu, banjiriran maklumat juga boleh menyebabkan kesukaran dalam membuat keputusan. Pengguna mungkin mendapati sukar untuk mengenal pasti maklumat yang benar-benar berguna kerana terlalu banyak pilihan yang ada. Ini boleh membawa kepada kekeliruan dan mengurangkan keupayaan inisiatif mereka untuk menyemak pada sumber yang benar dan berfikir secara kritis.

Di samping itu kegagalan memahami tafsiran sunnah juga antara faktor mengabaikannya dengan alasan ia hanya perbuatan sunat, apabila dikerjakan mendapat ganjaran pahala dan tidak pula berdosa jika ditinggalkan. Sedangkan, konteks sunnah itu luas merangkumi segala perkara wajib yang perlu dilaksanakan termasuk menunaikan solat lima waktu, mengeluarkan zakat dan berpuasa pada bulan Ramadan.

STRATEGI

Agensi agama perlu mengatur strategi dalam membimbing pengguna agar lebih bijak dalam menggunakan teknologi digital. Antaranya pihak berkuasa perlu membuka kursus-kursus digital bagi membantu pengguna memahami cara menilai maklumat secara kritikal.

Pihak berautoriti seperti JAKIM, Jab. Mufti, JAIN serta MAIN juga boleh memainkan peranan dengan memberi panduan serta menggalakkan penggunaan sumber yang sahih di samping mendidik pengguna mengenai etika dalam amalan sunnah dunia digital. Selain itu, masyarakat dan ibu bapa juga perlu menyokong usaha ini dengan memberikan kesedaran tentang bahaya maklumat palsu dan kepentingan penggunaan teknologi secara bertanggungjawab.

Literasi digital, disiplin diri, dan keupayaan untuk menilai maklumat secara kritikal adalah kunci untuk menghidupkan sunnah sama ada berjaya atau tidak dalam era digital ini. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan dalam mengatur strategi agar dapat mencapai kecemerlangan tanpa terperangkap dalam dunia digital yang tidak terkawal ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dunia digital memberikan peluang yang luas serta kebebasan kepada pengguna, tetapi ia juga mempunyai cabaran tersendiri. Pengguna yang bijak adalah mereka yang mampu memanfaatkan teknologi digital dengan bertanggungjawab tanpa menjadi mangsa kepada maklumat palsu atau ketergantungan terhadap teknologi tanpa merujuk kepada dokumen asal seperti kitab-kitab turath.

Dalam proses pembinaan dan pemantapan ini, kita mesti melihat kepada sistem yang telah digariskan Rasulullah SAW. Segala bentuk ajaran yang berteraskan nilai-nilai Islam perlu dijadikan rujukan dalam menghidupkan sunnah khususnya dalam dunia digital ini. Pemantapan sistem pendidikan negara juga perlu diperkasa melalui prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang mampu untuk terus menjadi panduan dalam mendepani cabaran dunia digital.

ZUHUD DAN KESEDERHANAAN: GAYA HIDUP RASULULLAH YANG RELEVAN SEPANJANG ZAMAN



Muhammad Imran bin Hj Ibrahim
Pegawai Penyelaras Kanan Takmir, Cawangan Imarah & Takmir
Bahagian Pengurusan Masjid, JAWI

PENDAHULUAN

Dalam dunia yang semakin dikuasai oleh budaya materialisme, pemilikan harta dan kemewahan sering dijadikan ukuran kehidupan dan kejayaan seseorang. Dunia yang sementara dan penuh ujian ini telah memperdayakan ramai insan hingga menyebabkan mereka lupa matlamat kehidupan. Segalanya bermula dari hati sanubari *qalbin salim* yang dapat membimbing kehidupan ini. Akibat dari jiwa yang tidak dibersihkan dan hati yang tidak sucikan dari sifat hasad dengki, keasyikan duniawi merugikan diri dengan mengejar mazmumah dan menindas kehidupan yang akhirnya akan ke barzakh jua.

Kalau diceritakan tentang zuhud, pasti yang terlintas di hati fikiran kita adalah meninggalkan harta dunia demi kepatuhan dan ketaatan pada agama. Akan tetapi, tahukah anda bahawa seseorang boleh menjadi kaya raya dan tetap menjadi seorang yang zuhud? Ini kerana pengertian zuhud yang sebenarnya ialah orang yang tidak menjadikan harta sebagai raja di dalam hatinya walaupun harta tersebut ada di tangannya.

Begitulah yang ditonjolkan dalam sirah kehidupan insan agung, Nabi Muhammad SAW dimana kita melihat satu gaya hidup Baginda yang sangat bertentangan dengan budaya kebendaan atau materialistik pada ini. Itulah dia zuhud dan kesederhanaan. Gaya hidup ini bukan sahaja

mencerminkan ketinggian akhlak Baginda, malah terbukti relevan dan berkesan untuk diamalkan pada setiap zaman. Zuhud bukan bermaksud menjauhi dunia sepenuhnya, tetapi mendidik hati agar tidak diperhambakan oleh dunia. Perkara ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Qasas 28:77:

Maksud ayat: "Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan".

Di dalam Tafsir Quraish Shihab menyatakan ayat ini menjelaskan untuk manusia menjadikan sebahagian dari kekayaan dan kurniaan yang Allah berikan kepada kita di jalan Allah dengan amalan untuk kehidupan akhirat. Janganlah kita mencegah diri untuk menikmati sesuatu yang halal di dunia. Berbuat baiklah kepada hamba-hamba Allah sebagaimana Allah berbuat baik kepada kita dengan mengurniakan nikmat-Nya. Dan janganlah kamu membuat kerosakan di bumi dengan melampau

batas-batas Allah. Sesungguhnya Allah tidak meredai orang-orang yang merosakan bumi dengan perbuatan buruk mereka itu.

Daripada Abu Abbas Sahl bin Sa'ad Al-Sa'idi r.a., dia berkata: Seorang lelaki mendatangi Rasulullah SAW, maka beliau berkata: "Wahai Rasulullah, tunjukkan kepadaku satu amalan yang jika aku kerjakan, Allah dan manusia akan mencintaiku. Baginda bersabda:

Maksudnya: "Zuhudlah terhadap dunia maka engkau akan dicintai Allah, dan zuhudlah terhadap apa yang ada pada manusia maka engkau akan dicintai manusia."

MAKNA ZUHUD DAN KESEDERHANAAN

Zuhud berasal daripada kata akar Arab "زهد" yang bermaksud menjauhi diri daripada sesuatu yang tidak memberi manfaat kekal. Dalam konteks Islam, zuhud bermaksud tidak terpacu hati kepada dunia walaupun memilikinya. Manakala kesederhanaan (*al-iqtisad*) pula bermaksud bersikap pertengahan dalam semua aspek kehidupan, tidak melampau dan tidak terlalu kurang.

Erti zuhud menurut pandangan sahabat dan ulamak:

- Sayidina Ali bin Abi Talib r.a. berkata: "Zuhud itu adalah jangan terlalu gembira apabila memperoleh keuntungan dan jangan terlalu bersedih apabila memperoleh kerugian."
- Imam Ahmad bin Hanbal berkata: "Zuhud bukanlah dengan meninggalkan harta, tetapi dengan mengurangkan pergantungan hati kepada harta."
- Imam al-Ghazali menjelaskan tiga tingkatan zuhud. Pertama, berzuhud pada dunia, tetapi hati masih mencintai dunia. Kedua, zuhud orang yang meninggalkan dunia kerana menginginkan akhirat. Ketiga, zuhud orang yang tahu bahawa dunia tidaklah apa-apa jika dibandingkan dengan akhirat. Hakikatnya zuhud adalah kondisi batin yang tidak tercemar oleh keinginan (*hasrat*, *nafsu*) yg besar untuk menjadi (*memperoleh*, *mencapai*) sesuatu harta duniawi. Menurut Imam al-Ghazali, zuhud adalah menolak sesuatu dan menaruh harapan atau kepercayaan kepada yang lain, sehingga siapa yang meninggalkan kelebihan dunia dan mengharap akhirat, maka ia pun zahid di dunia.

Zuhud ini menjadi asas kepada kehidupan Nabi Muhammad SAW yang bukan sahaja memberi teladan kepada rohani dan jiwa, malah menjadi panduan sosial dan akhlak yang lestari kepada manusia.

Zuhud dan kesederhanaan membentuk perangai yang positif dan melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Sifat ini akan menyerlahkan potensi diri yang sebenar disamping memandu kepada mencapai matlamat kehidupan. Allah SWT berfirman dalam surah al-Hadid 57:20 maksud ayat: **"Ketahuilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa semata-mata) permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurangkan), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-**

megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan, dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak-pinak; (semuanya itu terhad waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghidu subur) menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada kesuburannya, kemudian tanaman itu bergerak segar (ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; akhirnya ia menjadi hancur bersepai; dan (hendaklah diketahui lagi, bahawa) di akhirat ada azab yang berat (di sediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar serta keredaan dari Allah (disediakan bagi orang-orang yang mengutamakan akhirat). Dan (ingatlah, bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya."

Ayat ini memberi isyarat jelas bahawa keterikatan kepada dunia adalah tipuan, sedangkan kehidupan sebenar adalah di akhirat. Akibat dari itu timbullah sifat tamak haloba, bakhil, dengki dan lain-lain sifat mazmumah kerana manusia tidak ada rasa untuk hidup zuhud.

Sementara itu dalam surah al-Furqan, Allah memuji hamba-hamba-Nya yang bersikap sederhana 25:67 maksud ayat: **"Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu."**

Baginda SAW tidak pernah mengumpul kekayaan untuk diri sendiri. Tempat tidurnya hanyalah tikar kasar yang meninggalkan bekas di badan. Dalam sebuah riwayat, Umar al-Khattab menangis apabila melihat keadaan Rasulullah SAW yang sangat sederhana, sedangkan raja-raja Rom dan Parsi hidup dalam kemewahan.

Maksudnya: Nabi SAW bersabda: **"Siapakah di antara kalian yang akan menemui (di akhirat) dalam keadaan seperti mana aku meninggalkannya (di dunia)?" Lalu Abu Zar berkata: "Aku." Maka Nabi SAW bersabda kepadanya: "Tidak ada langit yang menaungi dan bumi yang memikul seorang yang lebih benar lidahnya daripada Abu Zar! Sesiapa yang suka untuk melihat sifat zuhud Nabi Isa, maka lihatlah kepada Abu Zar."**

Hadis ini memuji kejujuran, kezuhudan dan ketulusan Abu Zar al-Ghifari r.a., yang sangat menyerupai sifat Nabi Isa a.s.

SALAH FAHAM TENTANG ZUHUD

Sebahagian orang Islam tersalah faham tentang maksud zuhud. Mereka sangka zuhud bermaksud meninggalkan semua perkara dunia, memakai pakaian lusuh, tidak menjaga diri, menjadi miskin, hidup serba kekurangan, dan tidak boleh membawa keluarga melancong. Ada

juga yang menganggap zuhud hanya untuk golongan sufi. Sebenarnya, para ulama Islam menjelaskan bahawa zuhud bukanlah menolak dunia sepenuhnya, tetapi sifat yang tidak meletakkan dunia dalam hati dan tidak leka dengan tipu daya dunia.

Disebabkan salah faham ini, ada yang meninggalkan perniagaan dan pekerjaan, menolak kemajuan, serta memilih hidup miskin hingga terpinggir daripada masyarakat. Sedangkan, Islam tidak melarang umatnya mencari harta atau memakai pakaian cantik. Malah, Islam menggalakkan kita berusaha, berjaya dan memiliki harta supaya boleh berinfatq di jalan Allah dan membantu orang lain.

Salah faham ini juga menyebabkan ada yang memakai pakaian lusuh dan tidak menjaga kebersihan diri, hingga badan berbau dan membuat orang lain rasa tidak selesa ketika berjemaah di masjid. Perkara ini jelas bertentangan dengan firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf ayat 31 yang bermaksud: **"Wahai anak Adam, pakailah pakaian yang indah setiap kali kamu ke tempat ibadah (atau mendirikan solat), dan makan serta minumlah, tetapi jangan berlebihan. Sesungguhnya Allah tidak suka orang yang melampaui batas."**

Kita boleh hayati kisah para sahabat seperti Sayidina Uthman bin Affan serta Abdul Rahman bin Auf yang merupakan jutawan berharta namun terkenal dengan sifat zuhud mereka. Mereka sentiasa menyumbang dan menginfatkan harta ke jalan Allah kerana harta tidak pernah mengikat mereka untuk mengejar akhirat. Begitu juga kisah Imam Malik seorang ulama dan ilmuan Islam yang masyhur, beliau dikenali dengan ilmu yang tinggi dan tulisannya yang menjadi rujukan. Walaupun beliau seorang yang terkenal dan kaya-raya, tetapi itu tidak menjadikannya seorang yang lalai dari agama.

Ini membuktikan bahawa zuhud itu bukan hidup dalam keterasingan dunia dan akhirat, tetapi mesti menjadikan seseorang seimbang dunia dan akhirat. Zuhud juga bukan alasan untuk malas, ia adalah cara untuk menundukkan dunia di bawah iman.

STATISTIK REALITI AKHLAK DAN GAYA HIDUP MASA KINI

Dalam era teknologi yang pesat dan arus globalisasi yang semakin mendominasi masyarakat, generasi Z terdiri daripada individu yang lahir antara pertengahan 1990-an hingga awal 2010-an muncul sebagai pewaris masa hadapan yang hidup dalam dunia serba digital. Sejak kecil, mereka sudah terbiasa dengan gajet seperti telefon pintar, tablet dan internet berkelajuan tinggi yang kini menjadi sebahagian daripada rutin harian.

Media sosial pula menjadi medium utama untuk mereka berkongsi pengalaman, pendapat serta mempamerkan gaya hidup, sekali gus menjadikan generasi ini sasaran utama bagi trend kemewahan di Malaysia. Gaya hidup mewah yang sering ditonjolkan di media sosial telah berkembang menjadi satu fenomena yang bukan sahaja mempengaruhi pemikiran mereka, malah turut membentuk tingkah laku dan aspirasi generasi muda masa kini.

Gaya hidup serta dunia fesyen terus berkembang, selari dengan perubahan zaman dan cita rasa generasi baharu. Generasi Z, sebagai kumpulan pengguna terbesar pada masa kini, mempunyai keutamaan dan tingkah laku penggunaan barangan mewah yang unik berbanding generasi terdahulu. Memahami keutamaan ini menjadi kunci utama bagi para penggiat industri barangan mewah untuk terus relevan dan berjaya dalam era moden.

Berbanding generasi sebelumnya, Generasi Z lebih memilih jenama yang mempunyai nilai dan misi yang selaras dengan prinsip mereka. Mereka lebih tertarik kepada jenama yang komited terhadap kelestarian, etika, dan tanggungjawab sosial. Bagi mereka, membeli barangan mewah bukan sekadar soal prestij, tetapi juga sebagai cara untuk menunjukkan identiti diri serta menyokong nilai-nilai yang mereka anggap penting.

Generasi Z juga lebih mengutamakan pengalaman berbanding pemilihan. Mereka lebih gemar menyewa atau meminjam barangan mewah daripada memilikinya secara kekal. Hal ini dipacu oleh keinginan mereka untuk mengamalkan gaya hidup minimalis dan mengelakkan budaya konsumerisme berlebihan.

Selain itu, Generasi Z melakukan penyelidikan secara dalam talian secara menyeluruh sebelum membeli barangan mewah. Mereka akan membandingkan harga, membaca ulasan dalam talian, serta mengikuti influencer di media sosial untuk mendapatkan maklumat sebelum membuat keputusan pembelian. Mereka juga lebih terbuka untuk membeli barangan mewah secara dalam talian berbanding di kedai fizikal tradisional.

Menurut laporan Global Consumer Culture Survey 2023, lebih 70% pengguna dunia membeli barang melebihi keperluan asas, dan lebih 60% mengalami tekanan kewangan akibat gaya hidup berlebihan. Di Malaysia pula, laporan Bank Negara Malaysia (2021) menunjukkan:

- 47% rakyat dewasa tiada simpanan kecemasan;
- 37% menggunakan kad kredit untuk perbelanjaan asas;
- Peningkatan hutang isi rumah melebihi 80% daripada KDNK.

Dalam masa yang sama, kes kemurungan dan kecelaruan emosi juga meningkat akibat tekanan sosial dan gaya hidup tidak terkawal. Ini menunjukkan bahawa mengejar kemewahan tanpa dapat mengawalinya bukan sahaja tidak membawa kebahagiaan, bahkan memudaratkan kesejahteraan.

ZUHUD GAYA HIDUP RASULULLAH SAW SEBAGAI MODEL

Zuhud dan kesederhanaan merupakan gaya hidup Rasulullah yang relevan sepanjang zaman. Ia perlu diangkat oleh masyarakat untuk melahirkan umat yang terbaik. Berikut adalah beberapa gaya hidup zuhud yang boleh kita pelajari dan contohi dari Baginda SAW:

- i. Pakaian sederhana tetapi bersih dan kemas.

Begitulah cara Baginda berpakaian. Baginda tidak memakai pakaian mewah, tetapi sentiasa bersih dan kemas. Hari ini, prinsip ini boleh diterapkan dengan

memilih gaya berpakaian yang selesa, berpatutan dan menutup aurat, tanpa terikut-ikut dengan jenama atau fesyen keterlaluan yang mahal harganya.

- ii. Pemakanan berkhasiat tanpa pembaziran.

Rasulullah SAW makan ketika lapar dan berhenti sebelum kenyang. Dalam konteks moden, amalan ini relevan untuk menangani isu obesiti dan pembaziran makanan.

- iii. Rumah yang sederhana dan penuh barakah.

Rumah Baginda sederhana tetapi menjadi tempat turun wahyu, tempat pengajaran, dan pentadbiran. Ini menunjukkan bahawa nilai rumah bukan pada saiz dan gah bentuknya, tetapi pada fungsinya.

- iv. Mengutamakan kedermawanan dan infak.

Rasulullah SAW sering memberi sehingga tiada apa yang tinggal untuk dirinya. Baginda bersabda maksudnya: *"Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah, maka mulailah untuk orang-orang yang menjadi tanggunganmu dan sedekah yang paling baik adalah dari orang yang sudah cukup (untuk keperluan dirinya). Maka barang siapa yang berusaha memelihara dirinya, Allah akan memeliharanya dan barang siapa yang berusaha mencukupkan dirinya maka Allah akan mencukupkannya"*. (Bukhari: 1338). Konsep ini penting dalam menggalakkan budaya wakaf, zakat, dan bantuan sosial.

Justeru itu, Baginda sering mengelakkan ketergantungan kepada dunia. Baginda tidak menyimpan harta secara berlebihan, bahkan menolak tawaran hidup mewah daripada sesiapa jua pun.

CONTOH APLIKASI ZUHUD MASA KINI

Setelah kita menganalisis dan menghuraikan makna zuhud ini, maka sudah pasti beberapa pelan tindakan perlu disusun dan dilaksanakan agar ia dapat direalisasikan dalam kehidupan. Setiap insan perlu memuat naik aplikasi zuhud dalam hati dan jiwa mereka. Antara aplikasi zuhud masa kini yang boleh diterapkan dalam kehidupan ialah:

- i. Gaya Hidup Sederhana

Pada masa kini, semakin ramai anak muda mula menyedari kepentingan hidup secara sederhana dan berfokus kepada keperluan sebenar. Mereka memilih untuk mengamalkan gaya hidup sederhana, iaitu dengan membeli hanya apa yang benar-benar diperlukan dan mengutamakan keperluan berbanding kehendak.

Pendekatan ini bukan sahaja membantu mengurangkan pembaziran, malah mendidik jiwa agar tidak terikat dengan kemewahan dunia yang melalaikan. Dalam Islam, kesederhanaan adalah satu prinsip penting yang dapat mendekatkan seseorang kepada sifat zuhud, iaitu tidak menjadikan dunia sebagai tujuan utama.

- ii. Pengurusan Kewangan Beretika

Konsep zuhud juga dapat diaplikasikan melalui pengurusan kewangan yang beretika dan berhemah. Hari ini, semakin banyak individu memilih untuk menguruskan bajet secara terancang, menyimpan dalam akaun atau pelaburan yang patuh syariah, serta menggunakan kemudahan teknologi seperti e-dompet untuk memudahkan transaksi dan beramal.

Amalan bersedekah atau berinfaq secara dalam talian juga semakin berkembang, membolehkan seseorang membantu golongan memerlukan dengan lebih cepat dan mudah. Langkah ini mengajar masyarakat supaya tidak boros, mengutamakan keberkatan rezeki dan menjauhkan diri daripada sifat tamak serta pemborosan.

- iii. Aktivisme Sosial dan Kedermawanan Digital

Selain itu, zuhud masa kini turut boleh dilihat melalui aktiviti aktivisme sosial dan kedermawanan digital. Ramai individu, terutamanya generasi muda, kini cenderung menyumbang kepada tabung kemanusiaan, projek pembinaan dan pengimaran masjid, serta program bantuan pendidikan kepada pelajar kurang berkemampuan. Segala sumbangan ini dapat dilakukan dengan mudah melalui platform digital seperti aplikasi pendanaan awam (crowdfunding), akaun bank rasmi, atau saluran sedekah online.

Pendekatan ini bukan sahaja memupuk semangat membantu sesama insan, malah mengajar seseorang untuk lebih prihatin terhadap masyarakat, seterusnya menjadikan sifat zuhud sebagai gaya hidup yang relevan dan praktikal dalam era moden.

KESIMPULAN

Zuhud dan kesederhanaan bukanlah konsep yang lapuk atau eksklusif kepada ahli sufi, tetapi satu pendekatan kehidupan yang realistik, seimbang dan penuh hikmah. Gaya hidup Rasulullah SAW membuktikan bahawa manusia boleh mencapai kejayaan, kepimpinan, dan kebahagiaan tanpa perlu diperhambakan oleh dunia. Bahkan, kebebasan hakiki hanya dicapai apabila hati tidak terikat dengan dunia.

Dalam dunia hari ini yang sarat dengan godaan, kembalilah kepada gaya hidup Nabi SAW iaitu zuhud dalam hati dan sederhana dalam tindakan. Inilah jalan tengah yang membawa kita kepada reda Allah dan ketenangan hidup yang sejati.

"Ya Allah, jadikan dunia di tangan kami, bukan di hati kami. Kurniakan kami kecukupan dengan keberkatan, bukan dengan kelimpahan yang melalaikan."
Amin, Ya Rabbal 'Alamin.

ADAB RASULULLAH SAW TERHADAP KANAK-KANAK, WANITA DAN ORANG BUKAN ISLAM



Rabiah Binti Ibrahim

Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, JAWI

Rasulullah SAW bukan hanya seorang pemimpin besar, tetapi insan yang paling sempurna adab dan akhlak. Allah SWT sendiri mengiktiraf peribadi Baginda dalam firman-Nya:

"Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) benar-benar berbudi pekerti yang agung."

(Surah al-Qalam: 4)

Maulidur Rasul setiap tahun mengajak kita merenung bukan hanya sejarah kelahiran Rasulullah SAW, tetapi juga meneladani akhlak dan adab Baginda dalam kehidupan seharian. Berdasarkan tajuk, Adab Rasulullah SAW terhadap Kanak-kanak, Wanita dan Orang Bukan Islam memberi fokus kepada tiga kelompok utama masyarakat yang dilayan dengan penuh rahmah dan keinsanan oleh Rasulullah SAW. Layanan Baginda bukan sahaja memperlihatkan budi pekerti peribadi, tetapi turut membentuk asas hubungan sosial yang adil, inklusif dan penuh ihsan. Melalui peneladanan terhadap adab Baginda, kita akan dapat memahami bagaimana sebuah masyarakat madani boleh dibina bermula dengan sikap dan interaksi terhadap golongan yang paling memerlukan perlindungan dan keadilan.

Sempena sambutan Maulidur Rasul 1447H/2025M yang bertemakan "Membangun Ummah Madani", kita diajak untuk menelusuri kembali peribadi luhur Baginda sebagai teladan agung dalam membina sebuah masyarakat madani yang bukan sahaja maju dari segi fizikal dan ekonomi, tetapi berteraskan nilai moral, saling menghormati dan hidup harmoni. Masyarakat madani yang ideal bukan sekadar terdiri daripada sistem pentadbiran yang cekap, tetapi dihidupkan oleh manusia yang jiwanya bersih dan akhlaknya mulia.

ADAB RASULULLAH SAW TERHADAP KANAK-KANAK

Salah satu aspek paling menyentuh hati dalam peribadi Rasulullah SAW ialah cara Baginda memperlakukan kanak-kanak, bukan sahaja dengan kasih sayang,

malah dengan penuh kebijaksanaan dan kepekaan emosi. Dalam masyarakat Arab pra-Islam, kanak-kanak terutamanya anak perempuan sering dipandang rendah dan dianggap sebagai beban. Namun kedatangan Rasulullah SAW telah mengubah paradigma ini secara menyeluruh, mengangkat kedudukan anak-anak sebagai amanah Allah yang perlu dibimbing dan dilindungi. Rasulullah SAW tidak pernah bersikap kasar kepada anak-anak. Malah Baginda dikenali sebagai seorang yang sangat penyayang dan lemah-lembut dengan mereka. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a., beliau berkata: "Aku berkhidmat kepada Rasulullah SAW selama sepuluh tahun. Demi Allah, tidak pernah sekalipun Baginda berkata 'uh' kepadaku, dan tidak pernah berkata terhadap apa yang aku lakukan: 'Mengapa kamu buat begini?' atau 'Mengapa kamu tidak buat begini?'" (Riwayat al-Bukhari dan Muslim). Ini membuktikan bahawa Rasulullah SAW memahami keperluan kanak-kanak untuk membesar dalam suasana yang aman, tidak ditekan, dan dipenuhi kasih sayang. Baginda SAW juga sangat prihatin terhadap emosi kanak-kanak. Dalam satu peristiwa yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a., Rasulullah SAW menenangkan seorang budak lelaki bernama Abu Umair yang bersedih kerana burung peliharaannya mati. Rasulullah berseloroh kepadanya: "Wahai Abu Umair, apa yang dilakukan oleh burung kecilmu?" (Riwayat Abu Dawud). Gurauan ini bukan sahaja menghiburkan hati kanak-kanak itu, malah menunjukkan bahawa Rasulullah SAW seorang yang sangat peka terhadap kesedihan anak kecil. Ketika Rasulullah SAW solat berjemaah bersama para sahabat, cucu Baginda iaitu Hasan dan Husain sering mendekati Baginda.

Rasulullah SAW juga sangat menitikberatkan keadilan dalam memberi kasih sayang kepada anak-anak. Baginda menegur seorang sahabat yang memberikan hadiah kepada anak lelakinya sahaja dan mengabaikan anak-anak yang lain. Sabda Baginda: "Bertakwalah kamu kepada Allah dan berlaku adil kepada anak-anakmu." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim). Prinsip ini menjadi asas penting dalam pembinaan keluarga yang harmoni dan seimbang. Dalam mendidik anak-anak, Rasulullah SAW tidak pernah mengajar dengan kekerasan. Sebaliknya,

Baginda menanamkan nilai murni secara hikmah. Dalam satu hadis, Rasulullah SAW bersabda kepada Ibn Abbas r.a. yang ketika itu masih kecil: "Wahai anak, sesungguhnya aku akan ajarkan kepadamu beberapa kalimat: Jagalah Allah, nescaya Allah akan menjagamu..." (Riwayat al-Tirmizi). Ini menunjukkan bahawa pendidikan nilai dan tauhid bermula sejak kecil dan harus disampaikan dengan pendekatan yang sesuai dengan tahap pemikiran mereka. Pendekatan Rasulullah SAW terhadap kanak-kanak mencerminkan konsep pendidikan berasaskan belas ihsan (rahmah), penghormatan terhadap emosi dan keperluan perkembangan mereka. Dalam konteks Malaysia Madani, pendekatan ini amat relevan untuk diterapkan dalam sistem pendidikan, institusi kekeluargaan dan persekitaran masyarakat. Kita sedang menyaksikan krisis nilai dalam kalangan generasi muda iaitu daripada keruntuhan moral, tekanan emosi, hingga kepada kecenderungan bunuh diri. Justeru, sunnah Rasulullah SAW ini bukan sekadar sejarah, tetapi solusi untuk krisis zaman. Masyarakat yang madani ialah masyarakat yang menyayangi anak-anaknya. Rasulullah SAW menunjukkan bahawa untuk membina ummah yang kuat, generasi muda perlu dibentuk dengan kasih sayang, dihargai emosinya dan disediakan ruang untuk berkembang dengan sihat sama ada fizikal, mental dan spiritual. Kita wajar mengambil inspirasi daripada Baginda untuk menjadi ibu bapa, guru dan pemimpin yang membentuk masa depan dengan cinta, bukan paksaan.

ADAB RASULULLAH SAW TERHADAP WANITA

Sebelum kedatangan Islam, wanita berada dalam keadaan yang amat menyedihkan. Mereka sering menjadi mangsa penindasan, tidak mempunyai hak warisan, dijadikan harta pusaka, dan malah dibunuh hidup-hidup sejak bayi. Rasulullah SAW diutus membawa rahmat kepada seluruh alam termasuk wanita, dan Baginda telah mengangkat martabat wanita ke tempat yang mulia dan terhormat. Rasulullah SAW menegaskan hak wanita dalam pelbagai aspek kehidupan: sebagai ibu, isteri, anak, saudara perempuan, malah sebagai anggota masyarakat yang dihormati. Dalam khutbah terakhir Baginda, Rasulullah SAW bersabda: "Berwasiatlah kamu dengan kebaikan terhadap wanita." (Riwayat Muslim). Pesanan ini bukan sekadar retorik, tetapi prinsip yang diamalkan oleh Baginda sepanjang hidupnya. Sikap Rasulullah SAW terhadap isteri-isterinya menjadi contoh terbaik dalam perhubungan suami isteri. Baginda tidak pernah mengasari isteri-isterinya, malah melayani mereka dengan penuh kasih dan hormat. Sayidatina Aisyah r.a. pernah menceritakan bahawa Rasulullah SAW membantu kerja-kerja rumah, menjahit pakaiannya sendiri dan bersikap mesra dalam komunikasi harian. Bahkan, dalam riwayat lain, Rasulullah SAW pernah berlumba lari dengan Aisyah, menunjukkan sisi romantik dalam rumah tangga. Rasulullah SAW juga seorang pendengar yang baik kepada para wanita. Dalam sebuah peristiwa, seorang wanita bernama Khawlah binti Tha'labah datang mengadu tentang suaminya yang melakukan zihar kepadanya. Allah SWT menurunkan ayat Surah al-Mujadilah sebagai respon terhadap aduan tersebut. Ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW bukan sahaja mendengar luahan wanita, malah mengangkat suara mereka ke tahap wahyu. Ini adalah pengiktirafan terhadap hak wanita untuk bersuara dan dibela. Dalam

urusan sosial, Rasulullah SAW menggalakkan pendidikan untuk wanita. Baginda bersabda: "Menuntut ilmu adalah wajib ke atas setiap Muslim sama ada lelaki dan perempuan."

(Riwayat Ibn Majah).

Ini membuktikan bahawa Rasulullah SAW tidak meminggirkan kaum wanita dalam proses pembangunan ilmu dan iman. Wanita juga diberikan peranan dalam urusan kemasyarakatan dan bahkan ketenteraan. Dalam Perang Uhud, para wanita seperti Nusaibah binti Ka'ab berjuang mempertahankan Rasulullah SAW dengan penuh keberanian. Rasulullah SAW tidak pernah merendahkan kebolehan wanita, sebaliknya memberikan ruang untuk mereka menyumbang dalam pembangunan umat. Apa yang menarik, Rasulullah SAW turut menunjukkan sensitiviti yang tinggi terhadap emosi wanita. Baginda menenangkan Sayidatina Fatimah r.a. ketika beliau bersedih, memanggilnya dengan panggilan lembut "Wahai Fatimah, penghulu wanita ahli syurga." Baginda juga menitiskan air mata ketika kehilangan isterinya, Khadijah r.a., sebagai tanda kesetiaan dan kasih mendalam yang tidak luntur.

Dalam masyarakat madani hari ini, adab Rasulullah SAW terhadap wanita wajar dijadikan asas kepada pembentukan dasar dan sikap masyarakat terhadap kaum hawa. Penghormatan, kesaksamaan, perlindungan hak, dan peluang pendidikan serta kerjaya untuk wanita haruslah selari dengan ajaran Rasulullah SAW. Wanita bukan sekadar pelengkap lelaki, tetapi rakan kongsi dalam membina tamadun. Rasulullah SAW telah membuktikan bahawa memperkasakan wanita tidak mengurangkan keimanan seseorang lelaki. Bahkan, ia menjadi kayu ukur kepada keadilan dan kebijaksanaan seseorang pemimpin. Dalam masyarakat Malaysia Madani, mengangkat martabat wanita seperti mana Rasulullah SAW lakukan adalah langkah penting ke arah keharmonian keluarga, masyarakat dan negara.

ADAB RASULULLAH SAW TERHADAP ORANG BUKAN ISLAM

Salah satu aspek paling luhur dalam akhlak Rasulullah SAW ialah sikapnya terhadap orang bukan Islam. Sebagai seorang pemimpin negara dan pembawa risalah akhir zaman, Rasulullah SAW hidup dalam masyarakat yang pelbagai kaum, agama dan budaya. Dalam konteks ini, Baginda menunjukkan bahawa Islam bukan sekadar agama ritual, tetapi juga satu sistem kehidupan yang menjamin keadilan, keselamatan dan keharmonian sejagat.

Rasulullah SAW menandatangani Piagam Madinah iaitu satu perlembagaan bertulis yang mengiktiraf hak bukan Islam sebagai warganegara yang setaraf dengan Muslim. Dalam piagam ini, kaum Yahudi diberi kebebasan beragama, perlindungan keselamatan, dan hak untuk mengekalkan identiti budaya mereka. Ini membuktikan bahawa Rasulullah SAW mengiktiraf kewujudan perbezaan dan tidak memaksa sesiapa memeluk Islam secara paksaan.

Firman Allah SWT: "Tiada paksaan dalam agama." (Surah al-Baqarah: 256)

Rasulullah SAW juga mempamerkan adab tinggi dalam pergaulan harian dengan bukan Islam. Dalam satu peristiwa, jenazah seorang Yahudi dibawa lalu di hadapan Rasulullah SAW. Baginda berdiri sebagai tanda hormat. Para sahabat berkata: "Itu jenazah Yahudi, wahai Rasulullah." Lalu Baginda menjawab: "Bukankah dia juga manusia?" (Riwayat al-Bukhari dan Muslim). Tindakan ini melampaui norma masyarakat waktu itu, dan menjadi pelajaran besar tentang penghormatan sejagat. Dalam peristiwa Hudaibiyah, Rasulullah SAW menunjukkan kebesaran akhlaknya apabila berunding secara damai walaupun syarat-syarat perjanjian itu dilihat berat sebelah. Namun, Rasulullah SAW memahami bahawa perdamaian lebih utama daripada permusuhan. Sifat sabar, hikmah dan diplomasi yang ditunjukkan ini membuka hati ramai bukan Islam untuk mengenali dan memeluk Islam kemudian hari. Dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama, akhlak Rasulullah SAW terhadap bukan Islam perlu diangkat semula sebagai model. Islam bukan sekadar agama ibadat peribadi, tetapi agama yang membawa rahmat kepada seluruh manusia sama ada Muslim mahupun bukan Muslim. Masyarakat madani tidak akan terbina tanpa saling hormat dan hidup bersama secara damai. Menginsafi peribadi Rasulullah SAW yang penuh adab dan toleransi ini, umat Islam hari ini harus menjadi ejen dakwah melalui akhlak, bukan semata-mata ceramah. Kehadiran Muslim dalam masyarakat majmuk perlu membawa ketenangan, bukan kebimbangan. Inilah warisan Rasulullah SAW yang harus dihidupkan dalam membina sebuah negara bangsa yang progresif, adil dan berperikemanusiaan.

PENUTUP: MENGHIDUPKAN AKHLAK NABI DALAM DENYUT NADI UMMAH

Rasulullah SAW bukan sekadar ikon sejarah yang kita kenang saban tahun, tetapi cahaya penunjuk jalan bagi umat yang ingin bangkit dengan maruah dan makna. Ketika dunia semakin berpecah kerana kebencian, ketidakadilan dan kebendaan, Baginda tampil sebagai figura abadi yang membawa ubat kepada luka zaman. Kelembutan terhadap kanak-kanak, ketulusan terhadap wanita, dan toleransi terhadap bukan Islam bukan hanya menjadi rekod sejarah, tetapi pelita yang perlu terus menyala dalam masyarakat hari ini.



Malaysia sebagai negara berbilang bangsa dan agama memerlukan naratif Islam yang rahmatan lil'alamin yang mendidik, memujuk dan membina, bukan yang menghukum, menuding dan memecah. Rasulullah SAW membuktikan bahawa kekuatan umat bukan pada jumlah tentera atau kekayaan material, tetapi pada kualiti akhlak dan perpaduan hati. Baginda memenangi hati manusia bukan dengan pedang, tetapi dengan sifat mulia yang memadamkan dendam dan membangkitkan harapan. Oleh itu, penghayatan Maulidur Rasul tahun ini yang bertemakan "Membangun Ummah Madani" harus dimaknakan secara tuntas. Ia bukan sekadar slogan di pentas, tetapi seruan perubahan dalam cara kita mendidik anak, melayan pasangan, memimpin masyarakat dan berinteraksi dengan dunia. Rasulullah SAW ialah inspirasi utama dalam membina ummah madani yang tidak hanya maju dari segi material, tetapi matang dari segi moral. Sudah tiba masanya setiap lapisan masyarakat sama ada pemimpin, pendidik, ahli akademik, pekerja sosial, ibu bapa dan belia menjadikan sirah Rasulullah SAW sebagai rujukan hidup. Kita perlu menyemai kembali budaya ilmu yang dipimpin dengan adab, menegakkan keadilan dengan kasih sayang, dan menyuburkan keharmonian dengan toleransi. Masyarakat yang beradab adalah masyarakat yang menjadikan Rasulullah SAW sebagai model manusia unggul.

Akhir kata, andai benar kita cinta kepada Baginda, maka wujudkanlah Baginda dalam akhlak kita. Andai benar kita ingin membina Malaysia Madani, maka teladanilah Rasulullah SAW dalam segala segi. Kerana sesungguhnya, tiada insan yang lebih layak menjadi inspirasi ummah sepanjang zaman melainkan insan yang dimuliakan oleh Allah,

seperti firman-Nya: **"Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu..."**

(Surah al-Ahzab: 21).

MALAYSIA
MADANI



JAKIM

#DaripadaTintaMembentukTiwa



JOM KENALI
BUKU TERBITAN

JAKIM

Buku Bertemakan Tokoh Islam



ABU' ABDULLAH MUHAMMAD BIN IDRIS AL-MUTTALIBI AL-SHAFI' (150H - 204H)

Penulis: Dr. Haji Mat Saad Abdul Rahman

Imam Al-Shafi'i merupakan seorang alim yang masyhur dan tersohor dalam kalangan umat Islam seantero dunia. Walaupun begitu, tidak semua orang mengetahui perjalanan hidup yang dilalui, kebolehan dalam pelbagai bidang ilmu serta kemahiran beliau dalam seni *al-furusiyyah* (berkuda) dan memanah. Buku ini mengupas perjalanan hidup seorang pendiri mazhab, siri penjelajahannya dalam mencari ilmu, meneliti kader yang terdiri daripada para sahabat dan murid-murid beliau, menganalisis karya tulisan dan keintelektualan beliau dalam pelbagai bidang serta menjelaskan pandangan ulama' terhadap diri Imam al-Shafi'i.

BIOGRAFI DATO' HAJI HASSAN AZHARI


Penulis: Abu Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah

Dato' Haji Hassan Azhari nama yang tidak asing lagi dalam bidang pengajian al-Quran. Tokoh ini didapati amat berpengalaman dalam bidang ini dan banyak menyumbangkan jasa serta pengorbanan menerusi kepakaran yang dimilikinya kepada masyarakat dan negara. Beliau telah memperuntukkan sebahagian besar masa hidupnya mengajar al-Quran kepada anak bangsa melalui pelbagai media termasuklah radio dan televisyen. Khusus kepada JAKIM, jasa dan pengorbanannya menjayakan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa amat bermakna dan dihargai. Oleh itu riwayat tokoh ini wajar dihargai dan diabadikan dalam sebuah buku sebagai contoh dan teladan kepada masyarakat.



ENSIKLOPEDIA ULAMA' JILID 1 HINGGA 14

Penulis: Dr. Haji Mat Saad Abdul Rahman



Para ilmunan ini adalah insan yang bekerja keras kerana Allah, agama dan perjuangan Rasul-Nya, di samping berusaha melaksanakan tanggungjawab sebagai pewaris para anbiya'. Buku ini mengemukakan ketokohan para ulama' Mazhab Shafi'i dari sudut peranan dan sumbangan mereka sebagai pemikir, ilmuwan, pemimpin dan model kepada ummah bermula sejak zaman sahabat, tabi'in dan atba' tabi'in seterusnya diperluaskan ke generasi berikutnya sehingga tahun 2011M. Penerbitan ensiklopedia ini merupakan satu usaha yang murni ke arah melahirkan sebuah khazanah ilmu yang berharga untuk tatapan masyarakat agar dapat menjadi contoh dalam kehidupan masa kini.

TUN ZAIDI DA'I TERBILANG

Penulis: Datuk Hj. Mohamad Shahir bin Hj. Abdullah

Buku ini mengisahkan kegigihan al-Marhum Tun Ahmad Zaidi Aduce seorang tokoh negara dari Bumi Kenyalang yang banyak terlibat dalam menyampaikan usaha dakwah melalui pelbagai aktiviti. Tidak ramai yang mengetahui bahawa di sebalik jawatannya sebagai Yang di-Pertua Negeri Sarawak, beliau sebenarnya seorang pendakwah. Perjuangan yang dilakukan untuk anak bangsanya terserlah melalui kebersamaan dan kesungguhan beliau dalam pelbagai aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak. Penulisan ini dibukukan untuk berkongsi pengalaman penulis bersama al-Marhum Tun Ahmad Zaidi kepada para pembaca.



KEDAI BUKU JAKIM



BUKU JAKIM



019-752 8499



03-8870 7446



JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM

Buku Bertemakan Syariah —



PENGARUH QIRAAT SHAZZAH DALAM PENDALILAN IMAM MAZHAB Fiqh

Penulis: Dr. Yusri bin Chek

Sesungguhnya penggunaan qiraat berperanan penting dalam pendalilan hukum fiqh sekalipun ia berstatus shazzah. Malah, pola penggunaannya adalah berkesinambungan dengan pola pemikiran imam mazhab fiqh. Lebih daripada itu, penggunaan Qiraat Shazzah sebagai dalil, bukan sahaja menyentuh amalan-amalan sunat semata-mata, bahkan juga amalan-amalan wajib. Ia juga bukan sekadar dalam bab ibadat tetapi juga meliputi bab-bab lain seperti munakahat, kaffarat dan jinayat. Penulisan buku ini bertujuan menghuraikan latar belakang Qiraat Shazzah dan hubungannya dengan hukum fiqh. Ia juga menghuraikan tentang pola penghujahan imam mazhab fiqh dan pola pendalilan Qiraat Shazzah dalam kalangan mereka.

ENSIKLOPEDIA Fiqh ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

Penulis: Prof Madya Dr. Azman Ab Rahman

Islam adalah agama yang symul dan praktikal. Syariat Islam sesuai diamalkan oleh seluruh umat manusia tanpa mengira batas umur, tempat tinggal, bangsa, budaya atau keupayaan fizikal. Bagi golongan orang kelainan upaya (OKU), Islam telah menggariskan hak-hak dan kewajipan tertentu sesuai dengan keupayaan fizikal mereka untuk beribadat dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Buku ini merupakan sebuah penulisan ilmiah yang menjelaskan isu-isu serta permasalahan fiqh berkaitan OKU dalam empat aspek iaitu ibadah, munakahat, muamalat dan jenayah. Setiap bab disusun secara sistematik dan dibincangkan secara informatif bagi memberi kefahaman yang tepat dan menyeluruh kepada para pembaca.



ISU-ISU DALAM IBADAT PUASA

Penulis: Dr. Zulkifly Muda

Buku ini merupakan sebuah karya yang ditulis khusus bagi menjawab permasalahan ummah mengenai ibadah puasa. Menariknya, gaya penulisan buku ini berbeza dengan karya-karya yang lain. Setiap tajuk yang dikemukakan akan diuraikan berdasarkan nas-nas syarak, latar belakang nas dari sudut makna dan pengistinbatan hukum-hukumnya. Bagi mencapai kesempurnaan, beberapa pandangan ulama' Islam daripada beberapa mazhab turut dikemukakan. Topik perbincangan adalah meliputi pelaksanaan ibadah puasa, masalah-masalah yang sering menimbulkan keraguan dan pertanyaan dalam melaksanakan ibadah puasa serta fenomena lupa semasa melaksanakan puasa hingga melakukan perkara-perkara yang ditegah seperti makan, minum, jimak dan sebagainya.

ISU PESAKIT YANG SENTIASA BERHADAS

Penulis: Dr. Nizaita Omar

Apabila berinteraksi dengan para pesakit, didapati ada sebahagian daripada mereka mengalami masalah sentiasa berada dalam keadaan berhadass sama ada hadas kecil atau hadas besar. Ia merupakan satu penyakit yang perlu diberi perhatian khususnya dalam aspek taharah (bersuci) dan ibadat solat yang merupakan tiang agama bagi umat Islam. Gambaran penyakit ini antaranya ialah keadaan najis yang sentiasa keluar dari dubur dan qubul atau selainnya termasuk air mazi, air kencing, najis selain air kencing dan keadaan wanita yang sentiasa beristihadah.



WANITA DALAM IBADAH SOLAT

Penulis: Dr. Rokiah binti Ahmad

Buku yang menjelaskan aturan solat yang perlu diketahui dan dilakukan oleh golongan wanita kerana cara ibadahnya berbeza dengan golongan lelaki. Pemahaman yang jelas melalui buku ini akan dapat membantu para wanita untuk melaksanakan solat dengan sempurna.



ISTIMEWA UNTUK PELANGGAN KEDAI BUKU JAKIM

Diskaun Menanti Anda!

10%
Pembelian
RM51 - RM300

20%
Pembelian
RM301 - RM1,000

30%
Pembelian
RM1,001 - RM1,500

40%
Pembelian
RM1,501 ke atas

Sumber: Surat Kelulusan Penurunan Harga Buku/ Jurnal Terbitan BAHEIS/ JAKIM (Potongan Dalal) daripada Kementerian Kewangan Bilangan KK/BP 10/441/707/711/1 Jld.6(56) bertarikh 13 September 2005.

Jom TEMPAH
Jom BELI!



Katalog & Pembelian
Buku Terbitan JAKIM

Sumber: Surat Kelulusan Kadar Diskaun bagi Pembelian Buku Terbitan JAKIM oleh Kakitangan JAKIM, Agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) seluruh Malaysia daripada Pejabat Ketua Setiausaha Negara Bilangan PM(T) 1076617/2 bertarikh 24 Ogos 2014.

25%

Bagi setiap pembelian oleh
warga agensi di bawah
JPM, MAIN & JAIN
seluruh Malaysia



يَاسِن رَسْتُو
YAYASAN RESTU

PROMOSI SEJUTA AL-QURAN

Sebanyak 5% atau apa-apa jumlah % daripada sumbangan adalah caj pengurusan kepada YWM seperti dipersetujui oleh Jawatankuasa Syariah YWM

Bagi mendapatkan resit rasmi, sila hantar slip sumbangan ke alamat e-mel:

info@ywm.gov.my / whatsapp: 019-2007481

*Peluang Berubadah Melalui Kempen
Solidariti Sejuta Al-Quran*

RM38
SENASKAH



Dial Now



BAN ISLAM

16018010019680

YAYASAN WAQAF MALAYSIA

Firman Allah SWT melalui surah Ali Imran, ayat-2 yang bermaksud:

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

- Kempen ini adalah suatu inisiatif mengajak orang ramai untuk mewakafkan nilai berjumlah RM38.00 bagi senaskah al-Quran sebagai tindak balas penuh hikmah Kerajaan terhadap tragedi pembakaran al-Quran di Sweeden.
- Inisiatif ini adalah selari dengan pengumuman YAB Perdana Menteri untuk mencetak sejuta naskah al-Quran bertujuan diedarkan ke seluruh dunia.
- Mari kita sama-sama berwakaf! Jangan lepaskan peluang anda untuk beroleh dan menyebarkan manfaat kebaikan melalui kempen ini seluasnya ke seluruh alam. Barakallahufikum.



Yayasan Waqaf Malaysia e-SIRAJ JAKIM

28-09-26 07:09:31

www.ywm.gov.my